

•n5£ PARLIMEN
Jans

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEDUABELAS 2010**

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI SELASA: 13 JULAI 2010

CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA.

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM
DEWAN (SOALAN NO. 6, 8,11 HINGGA 58)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 5, 7, 9 DAN 10
[RUJUK PENYATA RASMIHARIAN (HANSARD)]**

SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA

Ho % £

**PERTANYAAN
DARI PAD
TARIKH
SOALAN**

**PEMBERITA
HUAN
PERTANYA
AN DEWAN
RAKYAT**

JAWAB LISAN

**DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
13 JULAI 2010 (SELASA)
NO. 6**

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan senarai 7 institusi swasta yang menerima bayaran terbesar daripada dana PTPTN dalam tahun 2008 dan 2009. Nyatakan jumlah yang diterima oleh setiap institusi ini dalam tahun 2008 dan 2009.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuh (7) buah Institusi pengajian tinggi swasta atau IPTS yang menerima pengeluaran pembiayaan tertinggi oleh PTPTN pada tahun 2008 dan 2009 adalah Kolej Universiti Sains Kesihatan Masterskill, Universiti Tunku Abdul Rahman, Kolej Universiti SEGI, Universiti Sains Dan Pengurusan (MSU), Universiti Industri Selangor, Universiti Tun Abdul Razak dan Universiti Kolej Metropolitan Kuala Lumpur.

Sejumlah RM251.3 juta telah dikeluarkan pada tahun 2008, manakala pada tahun 2009 pula sejumlah RM438.5 juta. Ini menjadikan jumlah keseluruhan amaun pembiayaan yang telah dikeluarkan kepada tujuh IPT tersebut sebanyak RM690 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi maklumat terperinci tentang jumlah yang diterima oleh setiap institusi ini dalam tahun 2008 dan 2009, Kementerian sudahpun mengemukakan matlumat tersebut secara bertulis di dalam jawapan rasmi Kementerian.

BIL		AMAUM	Slwfl	MSI
1	KOLEJ UNIV SAINS KESIHATAN MASTERSKILL	84,071,384.17	145,485,902.08	229,557,286.25
2	UNI. TUNKU ABDUL RAHMAN	77,750,284.14	68,834,774.98	146,585,059.12
3	KOLEJ UNIVERSITI SEGI	27,468,349.34	86,102,890.45	113,571,239.79
4	MANAGEMENT & SCIENCE UNIVERSITY(MSU)	19,454,039.44	34,927,789.67	54,381,829.11
5	UNIVERSITI INDUSTRI SELANGOR (UNISEL)	26,140,925.25	26,471,733.46	52,612,658.71
6	UNIVERSITI TUN ABDUL RAZAK	3,701,730.82	43,395,917.21	47,097,648.03
7	KOLEJ UNIVERSITI KL METROPOLITAN	12,744,435.31	33,306,147.89	46,050,583.20
JUMLAH KESELURUHAN		251,331,148.47	438,525,155.7	689,856,304.21

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

DARI PADA

Tuan Kulasegaran A/L Murugeson

TARIKH

[Ipoh Barat]

SOALAN [8]

Selasa, 13 Julai 2010 Tuan

Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh

Barat] minta MENTERI LUAR

NEGERI menyatakan:

(a) Apakah alasan menyebabkan
penangguhan dalam menjadi
ahli Mahkamah Jenayah
Antarabangsa; dan

(b) Senaraikan masalah yang dihadapi oleh negara jika menjadi ahli da

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab soalan daripada Y.B. Ipoh Barat bertarikh 29 Mei 2010.

Tuan Yang Di-Pertua,

2. Walaupun Malaysia telah menandatangani "the Final Act of the United Nations Diplomatic Conference of Plenipotentiaries on the Establishment of an International Criminal Court" pada 17 Julai 1998, Malaysia masih belum menyertai Statut Rome Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

3. Namun, Malaysia sentiasa berpendirian bahawa jenayah-jenayah antarabangsa seperti genosid, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang dan jenayah pencerobohan adalah jenayah-jenayah antarabangsa dan individu-individu yang didakwa melakukan jenayah-jenayah tersebut haruslah dibawa ke muka pengadilan.

4. Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa penyertaan Malaysia ke atas Statut Rome akan melambangkan kesungguhan negara dan meningkatkan perpaduan dan tekad bersama-sama masyarakat antarabangsa untuk membanteras jenayah antarabangsa. Walau bagaimanapun, sebelum negara menyertai mana-mana triti antarabangsa, penelitian terperinci

dilakukan untuk memastikan agar kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara dan dipertahankan.

harus

5. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri, dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, sedang meneliti dengan mendalam dan terperinci implikasi terhadap negara berhubung cadangan penyertaan (*accession*) Malaysia ke atas Statut Rome dan seterusnya penerimaan bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) oleh negara.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO

:11 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH

Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

[LABUAN]

TARIKH 13 JULAI 2010

SOALAN

Datuk Haji Yusoff Bin Haji Mahal (Labuan) minta MENTERI KESIHATAN

menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Kolej Kejururawatan di Wilayah Persekutuan Labuan?

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa kini Kerajaan (Kementerian Kesihatan Malaysia) tiada cadangan untuk menubuhkan Kolej Kejururawatan di Wilayah Persekutuan Labuan. Pandangan ini adalah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut; -

- (i) Unjuran keperluan Jururawat di Malaysia menunjukkan bahawa negara akan mencapai sasaran 1:200 (jururawat kepada penduduk) pada tahun 2015 dan mengalami *surplus* atau lebih sebanyak 12,715 orang jururawat mulai tahun 2016 (Sumber: Unit Amalan Kesihatan Bahagian Kejururawatan KKM). Lebihan (*surplus*) yang akan berlaku ini telah pun mengambil kira jumlah penawaran (bekalan) Jururawat pada tahun-tahun berkenaan berdasarkan

kepada jumlah pelatih yang akan tamat latihan di Institusi-institusi Latihan awam dan swasta.

- (ii) Kapasiti Institusi Latihan KKM sedia ada khususnya dalam program Kejururawatan adalah mencukupi untuk mengeluarkan jumlah Jururawat terlatih mengikut permintaan perkhidmatan. Jumlah kapasiti secara keseluruhan kolej-kolej kejururawatan pada masa ini ialah sebanyak 8,070 pelatih. Adalah dijangkakan bahawa jumlah kapasiti keseluruhan ini akan meningkat dari 8,070 pelatih kepada 9,230 pelatih dengan siapnya beberapa Institusi Latihan KKM dalam tempoh RMK-9.

Pada masa kini terdapat lebih kurang 55 buah Institusi Latihan Swasta yang menawarkan program Kejururawatan yang mana mampu mengeluarkan bilangan jururawat yang mencukupi untuk memenuhi permintaan negara. Dengan adanya Institusi Latihan Swasta (ILS) ini, KKM menghantar pelatih-pelatih tajaan Kerajaan ke ILS melalui perkhidmatan *outsourcing*. Langkah ini masih boleh diteruskan oleh pihak KKM sekiranya terdapat keperluan mendesak untuk melatih lebih ramai jururawat dengan kerjasama pihak ILS.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
	(SIK)
TARIKH	13.07.2010

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan sejauh mana kesan pemotongan bajet untuk Kementerian Pelajaran memberi kesan kepada proses P&P dan latihan Staf Kementerian Pelajaran Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) mengakui keadaan ekonomi semasa turut memberi kesan kepada jumlah peruntukan yang sepatutnya diberikan kepada KPM. Peruntukan pada tahun 2010 telah dikurangkan sebanyak RM1.8 bilion berbanding tahun 2009.

Walau bagaimanapun pengurangan tersebut tidak menjaskan operasi keseluruhan sekolah terutama kepada proses pengajaran dan pembelajaran (p&p). Pada tahun 2010 sebanyak RM23.19 bilion telah diperuntukkan oleh kerajaan bagi membiayai keseluruhan operasi Institusi Pendidikan seperti

Soalan No : 12

Pendidikan Prasekolah, Rendah, Menengah, Asrama, Teknik dan Vokasional, Pendidikan Khas dan lain-lain lagi melibatkan perbelanjaan Emolumen, Perkhidmatan dan Bekalan, bantuan Pelajar, Biasiswa dan lain-lain.

Dari segi latihan staf KPM, pula beberapa bentuk pendekatan telah dilaksanakan oleh KPM, untuk memastikan program latihan staf diteruskan walaupun dalam kekangan kewangan. Diantaranya termasuklah:

1. Latihan induksi dijalankan semasa latihan pra perkhidmatan kepada bakal guru.
2. Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) berdasarkan sekolah yang dijalankan secara dalaman (*in-house*) dari semasa ke semasa..
3. Latihan untuk staf Kementerian dilaksanakan secara dalaman di peringkat Bahagian-bahagian KPM.
4. LDP untuk guru-guru di pusat-pusat setempat seperti di Pusat Kegiatan Guru (PKG), Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri (BTPN), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) dan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) di seluruh Negara.
5. Program latihan secara dalaman berbentuk *blended approach* melalui kepelbagai bentuk latihan seperti Program Mentor-Mentee, *Coaching* (TOT), *Book Review*, Sesi Perkongsian Ilmu dan sebagainya.

Rjm 97

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO'
LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

SOALAN NO. 14

PERTANYAAN

LISAN

DARI PADA : PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI

[BATANG SADONG]

TARIKH

13 JULAI 2010

SOALAN

Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah plan tindakan jangka masa pendek dan jangka masa panjang Kementerian dalam menangani masalah penyakit Chikungunya yang sedang menular di kawasan luar bandar.

Tuan Yang Dipertua,

Berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan, bilangan kes jangkitan Chikungunya yang dilaporkan di semua negeri pada tahun 2010 telah menunjukkan penurunan yang ketara. Pada tahun 2010, sehingga 5 Jun, jumlah kes Chikungunya yang dilaporkan adalah sebanyak 561 kes, penurunan sebanyak 78% (2,046 kes) berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2009 (2,607 kes). Tiada kematian akibat penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini.

Walaupun bilangan kes yang dilaporkan telah menurun, pihak Kementerian Kesihatan akan terus melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan terutama di kawasan-kawasan yang terlibat. Antara aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut;

1. Mengeluarkan arahan pentadbiran kepada semua pengamal perubatan di semua Hospital dan Klinik sama ada swasta atau kerajaan supaya memaklumkan kejadian kes dengan segera dalam masa 24 jam ke Pejabat Kesihatan berhampiran supaya tindakan kawalan dapat diambil. Semua kes yang disyaki perlulah dilaporkan.

2. Melaksanakan Garis Panduan Pencegahan dan Kawalan Penyakit Chikungunya untuk panduan kepada semua kakitangan yang terlibat dengan pengurusan penyakit Chikungunya.
3. Kementerian Kesihatan juga telah meningkatkan kerjasama dengan Pihak Kerajaan Tempatan dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam aktiviti kawalan Chikungunya di mana sehingga 29 Mei 2010, sebanyak 66,569 premis telah disembur kabus (*fogging*) sementara 4,387 premis dibubuh racun pembunuhan jentik-jentik diseluruh Malaysia. Di samping itu juga, kerajaan telah mengedarkan racun pembunuhan jentik-jentik secara percuma kepada orang ramai untuk mengawal pembiakan Aedes disekitar rumah mereka.
4. Aktiviti penguatkuasaan di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 (Pindaan 2000) dipertingkatkan terhadap premis yang mempunyai pembiakan Aedes.
5. Mengadakan aktiviti kesedaran awam di lokaliti terbabit seperti sessi penerangan, edaran risalah, poster dan juga media massa.
6. Mengadakan kenyataan akhbar mingguan memaklumkan situasi semasa penyakit Chikungunya melalui *website* Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak Kementerian Kesihatan di dalam mencegah dan mengawal perebakkan penyakit Chikungunya. Seperti juga denggi, penyertaan masyarakat dalam aktiviti-aktiviti kebersihan dan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk adalah sangat penting bagi mengawal kejadian penyakit ini.

No: 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAPAN LISAN

DARI PADA : **DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

TARIKH 13 JULAI

2010

SOALAN 14

Minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan ramai pengguna motosikal mengelak mengambil lesen memandu kerana karenah ujian dan kos yang tinggi:

- (a) adakah ujian berkomputer dikendalikan oleh JPJ atau swasta; dan
- (b) adakah JPJ mempunyai kuasa untuk menilai modul dan soalan yang dikemukakan dalam ujian komputer ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Di bawah projek eKhidmat, Kerajaan telah melantik tiga (3) konsortium eKhidmat iaitu KOMMS, mySPEED dan MyEG (*Service Provider*) serta Syarikat PDX.Com Sdn. Bhd sebagai *Gateway Provider* (GP) bagi menyediakan aplikasi untuk Sistem Ujian Berkomputer Bahagian 1. Ujian tersebut dilaksanakan secara dalam talian (*online*).

Berkuatkuasa pada 1 September 2009, kadar bayaran yang dikenakan bagi mendapatkan lesen memandu motosikal kelas B2 (250 cc ke bawah) adalah sebanyak RM 211 sahaja. Kadar ini meliputi kos untuk menduduki Ujian Berkomputer Bahagian 1. Kadar yang dikenakan sebelum 1 September 2009 ialah sebanyak RM 541 iaitu 61% lebih tinggi daripada kadar sekarang ini.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia, pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) masih lagi bertanggungjawab untuk menyediakan modul-modul dan soalan-soalan bagi Ujian Berkomputer Bahagian 1. JPJ juga sentiasa menilai semula semua modul dan soalan tersebut bagi memastikan ianya kemaskini dan selari dengan kurikulum dan bahan pengajaran sedia ada. Syarikat-syarikat yang dilantik hanya akan menyelenggara bank-bank soalan tersebut. Setiap pusat ujian eKhidmat telah dilengkapi dengan 500 soalan yang disediakan oleh JPJ dan setiap calon dikehendaki menjawab 50 soalan yang dipilih secara rawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

BERTARikh : 13 JULAI 2010
DARIPADA : YB DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)

SOALAN:

Y.B. Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta PERDANA MENTERI menyatakan:-

- (a) Adakah pihak kerajaan membuat kajian teliti apabila berhasrat mengambil tanah dimiliki seseorang (mempunyai hak milik sah) sebelum perlaksanaan projek pembangunan kerajaan?
- (b) Adakah pihak Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk mengekalkan keputusannya untuk mengambil tanah milik Tetuan Syarikat Mastika Jaya Holding Sdn Bhd di Kota Samarahan, Sarawak sedangkan Kerajaan Negeri

SOALAN NO.16

Sarawak telah pun memperuntukkan tanah/kawasan untuk pembangunan kerajaan pelbagai sektor.

TAWAPAN: Y.B. Senator Dato' Sri Idris Tala

Jawapan (a)
Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sememangnya membuat kajian yang teliti sebelum mengambil kira sesebuah tapak tanah yang mempunyai hak milik yang sah bagi projek pembangunan Kerajaan. Lokasi untuk projek pembangunan dipilih berdasarkan kepada prinsip perancangan yang komprehensif. Dalam hal ini, Kerajaan memberi keutamaan pengambilan balik tanah bagi projek-projek pembangunan yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Sebagai contohnya Kerajaan ada membuat pengambilan tapak persendirian yang mempunyai hak milik yang sah bagi projek-projek sekolah, klinik, jalan raya dan sebagainya. Oleh itu, jika tiada tanah kerajaan bagi tujuan ini, maka kerajaan perlu membuat pengambilan tapak tanah milik persendirian.

Walaupun rizab tanah kerajaan masih ada, kebanyakannya tidak terletak di lokasi-lokasi yang strategik dan sesuai untuk dibangunkan pejabat-pejabat kerajaan. Dalam kes-kes tertentu, pengambilan balik tanah persendirian adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan.

Bagi Kerajaan Negeri Sarawak, peruntukan kuasa pengambilan balik tanah dinyatakan pada Bahagian IV Kanun Tanah Negeri (Bab 81) yang jelas menunjukkan kuasa Kerajaan Negeri untuk mengambil balik tanah persendirian bagi tujuan awam. Tanah yang dituntut di bawah Hak Adat Bumiputera, peruntukan ini telah dinyatakan di bawah seksyen 5(3) & (4) Kanun Tanah Negeri (Bab 81).

Jawapan (b)

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan berhasrat untuk mengekalkan keputusan pengambilan tanah milik Tetuan Syarikat Mastika Jay a Holding Sdn Bhd sebagai tapak pembinaan

Bangunan Pejabat Gunasama Persekutuan Serian. Pengambilan balik tanah ini telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri pada 13 November 2009. Keputusan ini berasaskan:

- (a) Lokasi tapak adalah strategik dan berada bersebelahan dengan kawasan pejabat kerajaan negeri dan persekutuan di daerah Serian seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Pendaftaran, Jabatan Perhutanan Sarawak, Jabatan Pertanian Sarawak dan Pejabat Daerah Serian. Kedudukan bangunan yang dicadangkan ini akan memudahkan orang awam yang tinggal di kawasan luar pusat bandar untuk berurus dengan kerajaan;
- (b) Tapak tanah tersebut mempunyai topografi yang baik iaitu bertanah rata dan sesuai untuk dibangunkan; dan
- (c) Pemilihan tapak tanah ini juga selaras dengan kriteria Garis Panduan dan Peraturan Pemilihan Tapak dan Keperluan Peralatan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang menekankan supaya lokasi tapak berdekatan dengan jalan utama, bebas daripada halangan fizikal seperti tiang pylon atau kabel dan kemudahan bekalan utiliti ke tapak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARI PADA Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH 13 JULAI 2010

SOALAN [16] : Y.B. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
meminta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan
reformasi yang akan dilaksanakan oleh
Kerajaan untuk menunaikan komitmen sebagai
Ahli Majlis Hak Asasi Manusia Pertubuhan
Bangsa-Bangsa Bersatu dan sama ada ini termasuk
memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri,
undang-undang yang menyekat kebebasan
persatuan, perhimpunan dan bersuara.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Selayang, di atas soalan yang telah dikemukakan.

2. Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, Malaysia telah dilantik sekali lagi untuk menganggotai Majlis Hak Asasi Manusia PBB bagi tempoh tiga tahun iaitu dari 2010 - 2013. Sesuai dengan kedudukannya sebagai anggota Majlis tersebut, Malaysia perlu melaksanakan komitmennya dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi turut di peringkat antarabangsa.
3. Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan memandang serius akan komitmen-komitmen tentang isu hak asasi manusia yang telah dinyatakan kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Dalam hal ini, di peringkat kebangsaan, Kementerian Luar Negeri akan meneruskan kerjasamanya dengan Kementerian dan Agensi yang berkenaan, mengambil tindakan sewajarnya dalam usaha memenuhi komitmen yang telah dinyatakan.
4. Isu hak asasi manusia sentiasa mendapat perhatian sepenuhnya dan secara menyeluruh oleh Kerajaan. Hak asasi manusia tertentu seperti hak kebebasan individu perlu diimbangkan dengan hak kebebasan masyarakat. Ini adalah perlu untuk memastikan ketenteraman awam dan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin. Sehubungan ini, Kerajaan berpendapat bahawa Akta-akta yang rata-rata dikatakan menghadkan atau menyekat hak kebebasan individu, perlu dilaksanakan bagi menjamin keseimbangan berkenaan. Dalam hal ini, semasa mengemukakan pencalonan untuk menjadi anggota Majlis Hak Asasi Manusia, Kerajaan tidak menyatakan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) serta undang-undang berkaitan lain seperti disebut oleh Yang Berhormat, sebagai sebahagian daripada komitmen negara.
5. Walau bagaimanapun, seperti diketahui umum, Kerajaan sudah mempunyai perancangan untuk mengkaji semula Akta ISA. Perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri.

6. Ingin ditekankan disini bahawa kebebasan yang dinikmati individu terutamanya kebebasan bersuara dan perhimpunan tidak boleh dianggap sebagai kebebasan mutlak iaitu tanpa sekatan sama sekali. Artikel 19, dengan izin, *International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR)* telah menyebut bahawa kebebasan-kebebasan ini boleh dihadkan dengan undang-undang untuk, antara lainnya, memastikan keselamatan negara terjamin. Saya berpendapat bahawa perspektif ini perlu juga diambil perhatian.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN	JAWAPAN LISAN	No: 17
DARI PADA :	TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA (PARIT)	
TARIKH	PEMBERITAHUAN PERTANYAAN 13 JULAI 2010 DEWAN RAKYAT	
SOALAN	17	

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan prestasi terkini Pusat Pemeriksaan Berkomputer (PUSPAKOM) di seluruh negara dari aspek pemeriksaan. Adakah ‘ulat’ masih lagi berleluasa dan kesesakan di pusat-pusat pemeriksaan masih lagi berlaku.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

PUSPAKOM telah memulakan operasinya semenjak tahun 1994 dengan hanya 31 cawangan pemeriksaan kenderaan di seluruh negara. Bagi menangani masalah kesesakan serta memberi kemudahan kepada para pelanggan untuk menjalani pemeriksaan kenderaan, PUSPAKOM telah menambah 40 lagi cawangan pemeriksaan di seluruh negara menjadikan kesemuanya sebanyak 71 cawangan. Cawangan yang terakhir siap dibina adalah cawangan Pasir Gudang iaitu pada penghujung tahun 2008 dan mula beroperasi pada tahun 2009. PUSPAKOM juga sedang dalam perancangan untuk membina 2 buah cawangan pemeriksaan iaitu di Shah Alam dan Pekan bagi memenuhi keperluan dan permintaan pengguna di kawasan tersebut yang semakin meningkat.

Bagi memastikan perkhidmatan yang sentiasa baik dan selesa kepada para pelanggan, pihak PUSPAKOM telah meningkatkan mutu perkhidmatan mereka dengan mengambil langkah untuk menambahbaik peralatan-peralatan

pemeriksaan serta menaiktaraf lorong-lorong pemeriksaan di seluruh cawangan. Kos penambahbaikan serta kerja-kerja menaiktaraf tersebut melibatkan perbelanjaan hampir RM 33 juta.

Sehingga kini sebanyak 47 buah cawangan PUSPAKOM telah menerima pengiktirafan MS ISO:9001 dan dalam masa yang sama sedang dalam proses untuk mendapatkan pengiktirafan tersebut bagi 5 buah cawangan lagi pada tahun 2011. Pengiktirafan tersebut dapat meningkatkan keyakinan para pelanggan terhadap perkhidmatan PUSPAKOM.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tujuan membanteras aktiviti ‘ulat-ulat’ di premis-premis pemeriksaan pula, PUSPAKOM telah mengadakan kempen bagi menggalakkan para pelanggan supaya hadir sendiri untuk membuat pemeriksaan kenderaan. Walau bagaimanapun, sambutan daripada pemilik-pemilik kenderaan masih kurang. Ini menyebabkan PUSPAKOM mengambil langkah mendaftarkan wakil-wakil syarikat untuk melakukan pemeriksaan bagi pihak syarikat tersebut. Dengan cara ini, PUSPAKOM telah berjaya menangani kegiatan ‘ulat-ulat’ tersebut.

Bermula Mac 2009, PUSPAKOM telah menetapkan peraturan ‘1 Kenderaan, 1 Pemandu, 1 Dokumen’ bagi tempoh setiap pemeriksaan. Ini bererti setiap pelanggan, sama ada *runner* atau sebaliknya dibenarkan membuat pemeriksaan seterusnya dengan syarat mereka perlu menyempurnakan pemeriksaan kenderaan yang pertama sebelum disusuli dengan pemeriksaan kenderaan yang seterusnya. PUSPAKOM tidak membenarkan seseorang pelanggan mendaftarkan permohonan pemeriksaan kenderaan terlalu banyak dalam suatu tempoh tertentu bagi mengelakkan pelanggan-pelanggan lain menunggu terlalu lama.

No. 18

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	: TUAN AMRAN BIN AB GHANI (TANAH MERAH)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	13.07.2010
SOALAN NO	18

Tuan Amran Bin Ab Ghani (Tanah Merah) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan:

- (a) apakah dari segi hukum Islam terhadap pendirian Kerajaan meluluskan lesen judi pertaruhan bola sepak Piala Dunia; dan
- (b) apakah konsep Islam Hadhari telah dipinggir oleh Perdana Menteri baru.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat jua, Kerajaan dengan muktamad memutuskan tidak akan mengeluarkan lesen *Sports Betting* kepada Ascot Sports Sdn Bhd seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri/ Menteri Kewangan pada 25 Jun 2010 dan sekali lagi ditegaskan oleh YB Menteri Kewangan II dalam sesi ucapan penggulungan Kementerian Kewangan bagi perbahasan RMK-10 di Dewan Parlimen pada 29hb Jun 2010.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARI PADA DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN [KENINGAU]****TARIKH 13 JULAI 2010****SOALAN**

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar Kerajaan Persekutuan terhadap ribuan anak-anak pendatang asing tanpa izin yang lahir dan kini bermastautin di negeri Sabah sejak berabad-abad. Adakah mereka dianggap sebagai warganegara. Kalau tidak, apakah tindakan Kerajaan untuk menyelesaikan status anak-anak warga asing yang tidak mempunyai negara (*stateless children*).

**JAWAPAN: YB. DATO⁷ SERI MOHAMEP NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Adalah dimaklumkan bahawa di Sabah tiada status anak-anak warga asing yang tidak mempunyai negara (*stateless children*) seperti mana yang dinyatakan oleh YB Keningau. Walaubagaimanapun, terdapat sebilangan mereka yang terbiar di jalanan dan dipanggil sebagai kanak-kanak jalanan.

Kanak-Kanak Jalanan yang dimaksudkan adalah anak-anak kepada pendatang asing tanpa izin (PATI) yang lahir di Sabah di mana ibu

bapa mereka telah dihantar pulang ke negara asal masing-masing sekaligus kebajikan mereka terabai sehingga terpaksa tinggal di jalanan. Oleh yang demikian, kanak-kanak ini diklasifikasikan sebagai kanak-kanak jalanan. Sehubungan itu, istilah “stateless children” tidak wujud di Sabah.

Kerajaan Persekutuan amat mengambil berat terhadap masalah kanak-kanak yang terbiar berpeleseran di bandar-bandar tanpa pengawasan. Oleh yang demikian, Kerajaan Persekutuan melalui Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) pada 26 Jun 2007 telah menubuhkan Rumah Perlindungan Ehsan di Kota Kinabalu untuk menyelamatkan anak-anak terbiar atau lebih dikenali dengan panggilan Kanak-kanak Jalanan.

Operasi Kanak-kanak Jalanan yang dilakukan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan (Sabah/Labuan) dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ini telah

dilaksanakan di seluruh negeri Sabah. Tujuannya ialah untuk menyelamatkan kanak-kanak jalanan daripada melakukan perkara-perkara negatif termasuklah menjual rokok, menjual nombor ekor, menjual beg plastik, menghisap gam dan terlibat dengan penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, agensi-agensi lain yang telah menyelamatkan kanak-kanak jalanan ini juga menghantar kanak-kanak tersebut ke Rumah Perlindungan Ehsan, Kota Kinabalu bagi tujuan pemulihan. Pada tahun 2008 dan 2009 sahaja, seramai 398 orang kanak-kanak jalanan telah diselamatkan dan dipulihkan di Rumah Perlindungan Ehsan tersebut.

Terima kasih.

No: 10

PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA
DARI PADA
DATO' SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)
PERTANYAAN
TARIKH
LISA
N
13.07.2010

SOALAN NO 20

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim (Bayan Baru) minta Menteri Kewangan menyatakan siapakah yang menentukan gaji, elaun dan kemudahan-kemudahan bagi Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengurusan Tertinggi di dalam syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan dan adakah Kerajaan tidak bercadang menyelaraskan penggajian mereka mengikut skim emolumen Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, gaji, elaun, kemudahan serta sebarang imbuhan yang diterima oleh Ketua-ketua Pegawai Eksekutif (CEO) serta Pengurusan Kanan bagi syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing, berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC (PCG) melalui Program Transformasi GLC.

2. Berdasarkan kepada garis panduan tersebut, ganjaran yang ditetapkan untuk CEO dan Pengurusan Kanan GLC haruslah sejajar dengan kemahiran serta pengalaman mereka yang mana amat diperlukan bagi mencapai sasaran yang pada kebiasaannya adalah tinggi, yang mana ditetapkan oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing.

3. Walaupun status GLC adalah syarikat berkaitan Kerajaan, namun segala ganjaran serta terma lantikan ahli pengurusan serta kakitangannya harus mengambil kira kepentingan untuk menarik dan mengekalkan bakat-bakat yang sesuai dalam syarikat masing-masing, serta pada masa

No: 11

yang sama, memastikan kelestarian operasi GLC supaya dapat terus bersaing

dengan syarikat-syarikat swasta yang lain. Sehubungan itu, buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyelaraskan penggajian mereka mengikut skim emolumen Kerajaan.

PERTANYAAN **JAWAB LISAN** **NO. SOALAN: 21**
DARIPADA **Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE**
TARIKH **PEMBERITAHUAN DAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK DR TEKHEE @ TIKI ANAK LAFE minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimanakah Kerajaan boleh memastikan yang pembangunan dapat dilaksanakan dengan seimbang di seluruh negara supaya dapat dinikmati oleh semua dan bukan sesuatu kawasan terpilih sahaja.

JAWAPAN:

Kerajaan sentiasa peka kepada objektif untuk mewujudkan hak-hak yang saksama dari segi politik, ekonomi dan sosial di kalangan semua rakyat. Usaha terus dilaksanakan bagi memastikan tiada seorang pun yang diketepikan dalam arus pembangunan negara. Untuk mencapai tujuan ini, pelaksanaan dasar pembangunan seimbang antara wilayah telah diperkuatkan melalui penubuhan enam koridor ekonomi di seluruh negara di bawah pengurusan Pihak Berkuasa atau perbadanan yang berasingan.

Setiap koridor bertanggungjawab untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah masing-masing khususnya melalui penyertaan sektor swasta. Pembangunan di koridor yang berdasarkan Pelan Induk yang telah digubal akan memastikan rakyat luar bandar akan diberi latihan kemahiran pengetahuan yang mencukupi untuk

membolehkan mereka menyertai sepenuhnya peluang pendapatan baru berasaskan kluster ekonomi yang akan diwujudkan di kawasan bandar dan sekitarnya (*conurbations*).

Bagi memastikan faedah pembangunan dinikmati secara lebih saksama, pakej program pembangunan luar bandar akan diberi tumpuan dan dilaksanakan secara lebih giat dan bersepadu meliputi penyediaan kemudahan infrastruktur asas dan utiliti di bawah program NKRA, ameniti sosial, pengangkutan dan kemudahan ICT serta pembangunan modal insan. Sehubungan ini, projek agropolitan akan diperluaskan supaya memberi faedah kepada lebih ramai penduduk. Beberapa langkah juga akan dilaksanakan bagi mewujudkan hubungkait antara aktiviti ekonomi di bandar dengan aktiviti di luar bandar misalnya melalui pertanian kontrak, kontrak bekalan, pembangunan vendor dan francais serta kaedah sub-kontrak.

Di bawah RMKe-10, program baru khusus bagi menangani isu dan masalah golongan monoriti yang terpinggir telah diperkenalkan. Ini termasuk penyediaan kemudahan asas dan utiliti kepada penempatan di estet-estet dan program mengintegrasikan golongan kurang upaya ke dalam pasaran buruh melalui latihan yang bersesuaian. Dengan langkah-langkah yang disebutkan serta KPI yang ditetapkan, Kerajaan berharap pembangunan negara dapat diagih secara lebih seimbang di kalangan semua rakyat tanpa mengira kaum dan lokasi.

SOALAN NO.22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH 13 JULAI 2010

SOALAN:

Tuan Gwo-Burne Loh minta PERDANA MENTERI menyatakan menyatakan apakah kaedah SPR untuk mengatasi masalah nama anggota tentera yang pencen yang tidak muncul di senarai pemilih biasa dan senarai pemilih pos.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sememangnya giat menjalankan, secara berterusan, pelbagai kaedah dan usaha dalam membersihkan daftar pemilih sedia ada agar

sentiasa berada di dalam keadaan yang baik dan sempurna. Masalah pesara tentera yang namanya masih wujud di dalam daftar pemilih walaupun telah bersara berlaku apabila pesara tersebut tidak memaklumkan kepada SPR berkenaan status terkini perjawatannya serta tidak membuat permohonan untuk mendaftar sebagai pemilih awam. Oleh itu, SPR melalui program *smart partnership* bersama-sama pihak polis dan tentera secara berterusan bekerjasama dalam menyalurkan maklumat pegawai dan kakitangan mereka yang telah bersara bagi tujuan pembersihan daftar pemilih. Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN OSMAN [LIPIS]

TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah "rating" penonton bagi siaran langsung Parlimen Malaysia selama 30 minit pada hari persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Program Parlimen Hari Ini yang disiarkan pada jam 11:30 malam.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

"Rating" penonton bagi siaran langsung Parlimen Malaysia selama 30

minit pada hari persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara serta Program Parlimen Hari Ini adalah dalam lingkungan 30 hingga 340 ribu orang penonton bagi setiap siaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARI PADA PUAN SITI ZAILAH BT MOHD YUSOFF
[Rantau Panjang]

TARIKH 13 JULAI 2010

SOALAN

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta PERDANA MENTERI menyatakan tentang pembangunan di pintu masuk negara Malaysia - Thailand, dalam RMKe-10 agar pembangunan di Rantau Panjang dapat bersaing dengan pembangunan di Golok, Thailand. Apakah kemudahan yang bakal disediakan untuk kemudahan pelancongan di dalam dan luar negara.

NO.SOALAN : 24

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, di bawah rancangan Malaysia ke-9 (RMKe-9), Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Pelancongan Malaysia telah memperuntukan sebanyak RM12 juta bagi membiayai projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di pintu masuk Rantau Panjang. Projek ini dijangka siap pada 29 Oktober 2010 melibatkan pembinaan kompleks bazaar yang terdiri daripada 300 unit ruang niaga. Pembinaan kompleks bazaar ini diharapkan dapat menarik minat sejumlah besar pelancong dalam dan luar negara ke Rantau Panjang sekaligus membantu menjana ekonomi dan pembangunan di kawasan tersebut.

Selain itu, Kerajaan turut mengambil berat aspek keselamatan para pelancong yang berada dalam negara ini terutamanya di kawasan sempadan. Sehubungan itu, dalam usaha kerajaan mengekang aktiviti penyeludupan barang dan pemerdagangan orang di sempadan selain meningkatkan keselamatan di sekitar Sungai Golok, permohonan pemasangan lampu jalan dan CCTV di kawasan tertentu di tebing sungai berkenaan telah diangkat dalam permohonan RMK 10.

Sekian. Terima kasih.

LISAN

TUAN KHAIRY JAMALUDDIN [REMBAU]

13 PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN JULAI
2010 DEWAN RAKYAT

2817

PERTANYAAN

DARIPADA SOALAN:

TARIKH Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI
RUJUKAN DALAM NEGERI menyatakan apakah prosedur dan
 garis panduan bagi anggota polis menahan
 individu-individu yang dianggap mencurigakan.

JAWAPAN

NO. AUM : 15

Tuan Yang Dipertua,

**Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat
Rembau yang mengemukakan pertanyaan.**

Untuk makluman Ahli Berhormat dan dewan yang mulia ini, pihak polis boleh memeriksa atau menahan seseorang individu berdasarkan maklumat atau aduan yang diterima sekiranya wujud syak wasangka yang munasabah di mana individu tersebut terlibat dalam kes jenayah. Kuasa tersebut jelas diperuntukkan di bawah Seksyen 23 (1) Kanun Prosedur Jenayah (Akta 593).

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARI PADA YB SIVARASA A/L K. RASIAH

TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sivarasa a/l K. Rasiah [Subang] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan sedia menyelesaikan kes-kes pertikaian keluarga bukan Islam di mana suami yang baru masuk Islam telah cuba menukar agama anak tanpa persetujuan isteri dengan pendekatan kes-kes ini akan dibicarakan dalam Mahkamah Sivil (sebab pada masa nikah kedua-dua pihak adalah bukan Islam) dan hak menentukan agama anak, jika tidak dipersetujui oleh kedua-dua, diberi kepada mana-mana pihak yang diberi hak penjagaan (*custody*) oleh Mahkamah.

JAWAPAN: **YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

1. Kerajaan menyedari bahawa pemelukan Islam oleh salah seorang pasangan bukan Islam boleh menimbulkan pelbagai konflik antara agama khususnya dalam hal yang berkaitan dengan hak penjagaan anak dan penentuan agama bagi anak yang berumur di bawah lapan belas tahun. Sehubungan dengan itu, Kerajaan sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu ini dan berusaha mencari formula terbaik untuk menyelesaikan pertikaian yang berbangkit daripada penukaran agama tersebut.

2. Bagi menangani isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama secara menyeluruh, Kerajaan telah meminta Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji dan mencadangkan pindaan undang-undang yang bersesuaian. Susulan daripada arahan itu, suatu Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada pakar-pakar perundangan Syariah dan sivil telah diwujudkan oleh Jabatan Peguam Negara khusus untuk mengkaji, berunding dan mencari pendekatan terbaik untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit daripada penukaran agama tersebut.
3. Antara pihak yang menganggotai Jawatankuasa Khas itu ialah Mufti- Mufti, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), pengamal undang-undang Syariah dan sivil, wakil parti politik UMNO, MCA dan MIC, ahli akademik dan badan bukan Kerajaan (NGO) seperti Majlis Peguam Malaysia, Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM), *Movement For A Just World (JUST)* dan Majlis Perundingan Malaysia Agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh (MCCBCHS)
4. Berdasarkan kajian dan maklum balas yang diterima daripada anggota Jawatankuasa tersebut, Jabatan Peguam Negara telah menyediakan cadangan pindaan terhadap tiga perundangan yang berkaitan, iaitu Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164], Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1993 [Akta 505] dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303].

5. Memandangkan cadangan pindaan undang-undang tersebut menyentuh hak dan kepentingan umat Islam di negara ini, Kerajaan bersetuju supaya cadangan pindaan itu dibentangkan terlebih dahulu dalam Mesyuarat Khas Majlis Raja-Raja yang diadakan di Istana Negara pada 29 Jun 2009 sebelum ia dibentangkan di Parlimen.
6. Berikutan daripada keputusan Mesyuarat Khas itu, Kerajaan telah mengemukakan cadangan pindaan undang-undang tersebut kepada semua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan Majlis-Majlis itu. Setelah kesemua Majlis Agama Islam Negeri-Negeri bersetuju dengan cadangan pindaan tersebut, barulah pindaan itu akan dibentangkan di Parlimen. Sekian, terima kasih.

SOALAN NO : 27

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

**JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI
KESIHATAN MALAYSIA PERTANYAAN LISAN
DARI PADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]
TARIKH 13 JULAI 2010
SOALAN**

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan

- (a) sama ada Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan sebuah klinik desa di kawasan Selalang; dan
- (b) menaik taraf serta membekal peralatan-peralatan serta ubat-ubat dan pekerja klinik yang bersesuaian di klinik yang sedia ada terutamanya di Kampung Brui, Tekajong dan Betanak, Tanjong Manis.

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian memang bercadang untuk membina sebuah Klinik Kesihatan Selalang dalam *second rolling plan* Rancangan Malaysia Ke-10 disebabkan tapak tanah di lokasi yang sesuai masih sedang dikenalpasti. Dalam hubungan ini, dipohon agar pihak kerajaan negeri membantu mengenalpasti di samping melicinkan proses perolehan tanah di lokasi yang sesuai.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk projek naiktaraf serta pembekalan peralatan dan kakitangan untuk KK Brui, KK Tekajong, KK Betanak dan KK Tg. Manis, memang menjadi hasrat kementerian untuk menaiktaraf serta membekalkan peralatan dan kakitangan yang bersesuaian di klinik ini.

Di bawah peruntukan naiktaraf, pembaikan dan ubahsuai tahun 2010, sebanyak RM 50,000 telah disalurkan bagi kerja baik pulih *platform* tangki air hujan dan mengganti tangki yang telah usang di Klinik Kesihatan Betanak. Kerja-kerja pembaikan bangunan juga diperuntukan bagi klinik ini dengan kos sebanyak RM 100 ribu.

No: 28

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan juga akan menyatakan bahawa RM

157,800.00 bagi naiktaraf Klinik Kesihatan Brunei di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi 1 (PRE 1) pada tahun 2009.

Bagi bekalan peralatan, ianya akan dibekalkan secara berperingkat mengikut keadaan peruntukan semasa. Untuk menyediakan anggota, pihak kementerian akan mengisi kekosongan sedia ada dan jika keperluan mendesak, kita akan membuat penambahan anggota sedia ada.

DARIPADA	: TUAN CHONG CHIENG JEN (BANDAR KUCHING)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	13.07.2010
SOALAN NO	28

Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah cukai yang dijangka akan dikutip oleh Kerajaan dengan mengeluarkan lesen perjudian sukan dan berapakah jumlah wang yang bakal diperolehi daripada kegiatan judi tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman yang Berhormat jua, Kerajaan dengan muktamad memutuskan tidak akan mengeluarkan lesen *Sport Betting* kepada Ascot Sports Sdn Bhd seperti mana yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri/ Menteri Kewangan Pada 25hb Jun 2010 dan sekali lagi ditegaskan oleh YB Menteri Kewangan II dalam sesi ucapan penggulungan Kementerian Kewangan bagi perbahasan

RMK-10 di Dewan Parlimen pada 29hb Jun 2010.

NO.AUM : 28
NO. AUP a*

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN **TUAN TENG BOON SOON [TEBRAU]**
DARIPADA **13 JULAI 2010**
TARIKH **2818**

SOALAN

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan banduan bagi 3 tahun yang lalu di Penjara Simpang Renggam mengikut jenis kesalahan. Adakah Kerajaan bercadang mengambil langkah-langkah mengurangkan bilangan banduan di situ dengan kaedah pemulihan yang lain.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Tebrau yang mengemukakan pertanyaan.

Dimaklumkan Penjara Simpang Rengam terbahagi kepada dua iaitu sebahagiannya diwartakan sebagai penjara untuk menahan banduan. Pada masa kini, banduan yang ditahan di penjara berkenaan adalah dalam kategori banduan pra bebas.

Sebahagian lagi diwartakan sebagai Pusat Pemulihan Akhlak bagi tahanan yang dikenakan perintah tahanan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985.

Secara purata pada tahun 2007, terdapat seramai 1,500 banduan dan 1,339 tahanan telah ditahan atau menjalani hukuman di situ. Manakala pada tahun 2008 pula berlaku pengurangan yang ketara dalam jumlah banduan dan tahanan di mana jumlahnya telah menurun kepada seramai 136 banduan dan 926 tahanan. Seterusnya pada tahun 2009 jumlah penghuninya melibatkan seramai 90 banduan dan 1,199 tahanan.

Kapasiti asal penjara dan Pusat Pemulihan Akhlak Simpang

Rengam telah dikurangkan daripada 2,700 kepada 1,600. Pengurangan kapasiti berkenaan adalah disebabkan kerja-kerja pengubahsuaian dan naik taraf blok penempatan dan kemudahan penghuni yang sedang dijalankan. Walau bagaimanapun jumlah banduan dan tahanan di Simpang Rengam pada 2008, 2009 dan 2010 masih di bawah paras kapasiti sebenar.

Sebahagian besar tahanan di Simpang Rengam telah dipindahkan ke Pusat Pemulihan Akhlak Machang, manakala banduan pula dipindahkan ke Penjara Kluang dan lain-lain penjara bagi membolehkan kerja menaiktaraf blok penempatan dan kemudahan penghuni dilaksanakan. Berdasarkan langkah yang telah dilaksanakan, Penjara dan Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Rengam tidak lagi mengalami kesesakan.

Walau bagaimanapun demi kepentingan penghuni, tindakan mempertingkatkan latihan dan pemulihan penghuni yang melibatkan pembinaan disiplin,- sahsiah, kemahiran dan pemasyarakatan sentiasa dipertingkatkan melalui aktiviti seperti bimbingan disiplin, peraturan dan motivasi, kerohanian dan keagamaan, kaunseling, kemahiran vokasional termasuk kemahiran bersijil dan aktiviti pemasyarakatan. Malah banduan yang layak boleh dipertimbangkan pelepasan secara perintah parol dan juga boleh mengikuti program pemasyarakatan apabila

ia dilaksanakan kelak.

SOALAN NO: 30

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARI PADA	LISAN
TARIKH	DATO' RASHID BIN DIN (MERBOK)
SOALAN	13 JULAI 2010 (SELASA)
	DATO' RASHID BIN DIN minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI <small>Menyatakan:</small>

Setakat mana kemajuan pelaksanaan rancangan mewujudkan jelapang padi yang baru di Sarawak dan kawasan Merbok yang telah dicadangkan untuk mengurangkan pengimportan beras dari luar Negara. Nyatakan jumlah peruntukan, perbelanjaan serta pulangan (peningkatan bekalan beras) yang tercapai hingga kini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sehingga kini tidak menerima sebarang permohonan untuk membangunkan kawasan Merbok sebagai jelapang padi.

Kawasan Bijat/Stumbin, Batang Lumar, Bahagian Sri Aman, Sarawak telah diberi keutamaan untuk projek pembangunan jelapang padi di Sarawak. Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Kerajaan Pusat telah bersetuju untuk membangunkan Pusat Benih padi Sah untuk negeri Sarawak di kawasan tersebut yang melibatkan peruntukan RM20 juta. Peruntukan sebanyak RM4 juta dijangka

akan dapat dibelanjakan pada tahun 2010 bagi tujuan pelantikan perunding serta persetujuan rekabentuk akhir.

Jumlah peruntukan yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan bagi projek berkaitan padi di Negeri Sarawak ialah sebanyak RM20 juta untuk Projek Tanaman Padi Komersial di Paloh, Bahagian Mukah dan RM186 juta di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan. Sehingga kini, jumlah perbelanjaan bagi peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan adalah sebanyak RM 19 juta manakala RM171 juta di bawah peruntukan Dasar Jaminan Bekalan Makanan.

Peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan melibatkan aktiviti pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran bagi tujuan pembangunan penanaman padi secara komersial di Paloh, Bahagian Mukah. Kebanyakan aktiviti yang dirancangkan telah siap pada penghujung tahun 2009.

Aktiviti di bawah Dasar Jaminan Bekalan Makanan pula adalah seperti berikut :

- (i) Penyelenggaraan Infrastruktur Pengairan dan Saliran;
- (ii) Perataan Tanah Sawah;
- (iii) Pembekalan Input Pertanian ;
- (iv) Pembekalan Baja NPK;
- (v) Pembekalan racun dan bahan kimia bagi mengawal makhluk perosak, penyakit tanaman dan rumput rumpai;
- (vi) Mekanisasi ladang; dan
- (vii) Pembangunan Infrastruktur Pengairan dan Saliran.

Soalan No : 31

TARIKH 13.07.2010

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA ABDUL GHAPUR BIN HAJI SALLEH [KALABAKAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan setelah Program Rancangan Makanan Tambahan diberhentikan, apakah Kementerian akan melaksanakan program baru untuk

- (a) menentukan pelajar kurang mampu terus menikmati kemudahan sesuai dengan dasar dan matlamat asal; dan
 - (b) mengelakkan pengusaha kantin sekolah yang sudah komited tidak menghadapi kerugian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak memberhentikan program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) di sekolah rendah. Bagi tahun 2010, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM248.9 juta bagi tujuan ini yang memberi manfaat kepada seramai 710,661 murid di seluruh negara. Dengan demikian, perkara yang dibangkitkan oleh YB di (a) dan (b) adalah tidak berbangkit sama sekali.

No: 32

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **PUAN TEO NIE
CHING (SERDANG)**

PERTANYAAN **LISA
N**

TARIKH 13.07.2010

SOALAN NO 32

Puan Teo Nie Ching (Serdang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan anggaran kos yang perlu ditanggung oleh Kerajaan untuk lima tahun pertama dalam pelaksanaan sistem Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) termasuk kos pembangunan sistem, kos penyelenggaraan dan kos operasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan peruntukan yang sepatutnya di dalam usaha memastikan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dapat dilaksanakan di Malaysia dengan lancar, teratur dan berkesan. Adalah dianggarkan kos permulaan bagi melaksanakan GST adalah sebanyak RM222 juta iaitu meliputi kos pembangunan sistem perkomputeran GST sebanyak RM139 juta dan tambahan kos operasi kepada agensi pelaksana GST (Jabatan Kastam Diraja Malaysia) sebanyak RM83 juta. Kos penyelenggaraan bagi setiap tahun dianggarkan sebanyak RM8.5 juta

No: 33

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

TARIKH	13.07.2010	DARI	TENGKU RAZALEIGH HAMZAH
PADA			(GUA MUSANG)
		SOALAN	NO
PERTANYAAN		LISAN	33

**Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) minta
MENTERI KEWANGAN**

menyatakan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang menyebabkan kerugian sejumlah 30 bilion ringgit dalam urus niaga mata wang asing dalam pertengahan tahun 90 an.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia telah mengambil langkah-langkah kawalan dalaman dan laporan yang ketat dalam mengurus rizab antarabangsa supaya tidak terdedah kepada risiko yang tinggi. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan dipertingkatkan termasuklah keperluan menyediakan laporan harian yang terperinci, penubuhan Unit Pengurusan Risiko Perpendaharaan, pewujudan sistem perdagangan, pemprosesan dan kawalan berkomputer, serta pengawasan oleh Jabatan Audit Dalam Bank Negara Malaysia dan Jabatan Audit Negara. Pengurusan perdagangan mata wang asing Bank Negara Malaysia juga adalah berpandukan garis panduan pelaburan yang berhemat dan telus.

SOALAN NO: 34

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

YB Dato' Kamarudin bIn Jaffar [Tumpat] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Diplomat Romania yang telah menyebabkan kematian seorang rakyat Malaysia dalam satu kes langgar lari di Singapura pada Disember 2009.

JAWAPAN:

Tuan yang di-Pertua,

Kerajaan Malaysia mengambil maklum bahawa Kerajaan Singapura telah mengambil tindakan di mahkamah jenayah Singapura mengenai kes langgar lari yang melibatkan Diplomat Romania, Dr. Silvio Ionescu dan Encik Tang Kok Wai seorang warganegara Malaysia. Mengambil kira bahawa insiden tersebut telah berlaku di Singapura dan berada di luar bidang kuasa undang-undang dan penguatkuasaan Malaysia, Kerajaan Malaysia akan memberi kerjasama yang sewajarnya melalui Pejabat Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di Singapura sekiranya terdapat permohonan rasmi daripada keluarga Encik Tang Kok Wai.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**YB. TUAN DING KUONG HUNG
[SARIKEI]**

TARIKH JAWAPAN

13 JULAI 2010 (SELASA)

No: 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan bilakah dan jumlah peruntukan yang diberikan untuk menyelesaikan masalah penukaran paip air jenis AC kepada HDPE sepanjang 550km untuk mengelakkan masalah kebocoran paip. Nyatakan juga langkah-langkah yang telah diambil untuk menyelesaikan masalah "non-revenue water" di Bahagian Sarikei oleh Kementerian.

JAWAPAN Tuan

Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri Sarawak untuk menyelesaikan masalah kadar *non-revenue water* (NRW) di Bahagian Sarikei adalah seperti berikut:

- i. mewujudkan dan memantau *District Metering Zones* (DMZs);
- ii. pemeriksaan berkala semua meter air pengguna;
- iii. pemeriksaan berkala saluran paip terutamanya kawasan yang mempunyai kadar NRW yang tinggi;

iv.

p

emeriksaan berkala kolam takungan air dan tangki aras tinggi; dan

v. pemeriksaan kawasan yang disyaki mempunyai sambungan tidak
dibenarkan dan kekerapan berlaku kecurian bekalan air.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Negeri Sarawak juga telah mengemukakan permohonan peruntukan sebanyak RM 100 juta dalam RMKe-10 untuk projek pengantian paip terutamanya jenis *Asbestos Cement* (AC) di seluruh negeri Sarawak. Memandangkan negeri Sarawak sangat luas dan mempunyai rangkaian paip air yang panjang jumlahnya, program penggantian ini perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan mengikut keutamaan.

SOALAN NO. 36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : YB TUAN KARPAL SINGH (DAP)

(BUKIT GELUGOR)

TARIKH 13JULAI 2010 (SE LAS A)

SOALAN

YB Tuan Karpal Singh (DAP) (Bukit Gelugor) minta PERDANA MENTERI

menyatakan sama ada Kerajaan bersedia untuk memulakan tindakan undang-undang bagi hak penjagaan warga tua yang berusia oleh anak-anak yang bekerja. Sekiranya tidak, nyatakan sebab-sebab.

JAWAPAN Tuan

Yang di-Pertua,

Ikatan kekeluargaan di kalangan masyarakat Malaysia masih utuh dan kukuh. Secara umumnya, didapati anak-anak masih lagi menghormati dan menyayangi ibu bapa mereka dan bersedia menunaikan tanggungjawab bagi menjaga ibu bapa masing-masing apabila mereka sudah tua dan uzur.

Kementerian berpendangan bahawa tindakan undang-undang bukanlah satu cara terbaik untuk memastikan anak-anak menjaga ibu bapa mereka kerana ia juga akan menimbulkan implikasi sosial lain seperti hubungan kekeluargaan antara ibu bapa dan anak-anak akan menjadi semakin renggang dan ia memberi kesan yang tidak baik kepada generasi muda yang akan datang. Sehubungan itu, Kementerian lebih yakin menggunakan pendekatan positif dalam usaha meningkatkan ikatan kekeluargaan dan memupuk hubungan erat antara generasi muda dan warga emas agar anak-anak sentiasa menghormati mereka dengan mengadakan program kesedaran kepada masyarakat dari semasa ke semasa melalui kerjasama dengan Pertubuhan Sukarela Kebajikan seperti Persatuan Gerontologi Malaysia (GeM) melalui penganjuran Seminar Inter Generasi.

Bagi warga emas yang daif, miskin dan tiada waris dan juga mereka yang menjaga golongan tersebut, Kementerian juga berusaha menyediakan pelbagai sistem sokongan

dan kemudahan lain khusus seperti berikut:

- a) Bantuan Orang Tua (BOT) dengan kadar RM300.00 seorang sebulan untuk warga emas yang daif, miskin dan tidak mempunyai keluarga atau mempunyai keluarga yang miskin dan tidak mampu menyara kehidupan hariannya;
- b) Bantuan Penjagaan OKU / Pesakit Kronik Terlantar dengan kadar RM300.00 sebulan kepada penjaga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan;
- c) Bantuan Alat Tiruan / Sokongan seperti alat ortopedik, cermin mata dan alat pendengaran;
- d) Kemudahan jagaan dan perlindungan di institusi kebajikan masyarakat iaitu 9 buah Rumah Seri Kenangan (RSK) bagi warga emas yang daif dan miskin dan 2 buah Rumah Ehsan (RE) bagi warga emas yang menghidap penyakit kronik;
- e) Kemudahan jagaan dan perlindungan di institusi kelolaan Pertubuhan Sukarela Kebajikan di seluruh negara;

- f) Kemudahan bagi menjalani kehidupan lebih aktif dan produktif khusus untuk warga emas yang tinggal bersendirian di rumah semasa ahli keluarga atau penjaga keluar bekerja iaitu 22 Pusat Jagaan Harian Warga Emas (PJHWE) yang dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Pusat Kebajikan Semenanjung Malaysia (MPKSM), USIAMAS, Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia dan Majlis Kebajikan Sabah;
- g) Perkhidmatan pengangkutan melalui Unit Penyayang Warga Emas (UPWE) bagi memberi kemudahan pengangkutan kepada warga emas untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan kesihatan di hospital atau klinik berdekatan;
- h) Perkhidmatan Bantuan di rumah atau, dengan izin. *Home Help Services* iaitu perkhidmatan kepada warga emas yang tinggal bersendirian oleh sukarelawan yang membantu urusan harian seperti membersihkan tempat tinggal warga emas, membeli keperluan harian dan membayar bil dan lain-lain lagi yang dilaksanakan dengan kerjasama Pertubuhan Sukarela Kebajikan;
- i) Perkhidmatan kaunseling bagi membantu warga emas dalam aspek emosi serta mengoptimum tahap kesejahteraan psikologi warga emas; dan
- j) Perkhidmatan Talian Nur-15999 bagi memudahkan warga emas membuat aduan dan mendapatkan khidmat nasihat mengenai perkhidmatan/kemudahan yang disediakan.

SOALAN NO. 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI MOHAMED

SAID (KUALA KRAU)

TARIKH 13 JULAI2010 (SELASA)

SOALAN

Y.B. Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta MENTERI PEMBANGUNAN WAN IT A, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bagaimanakah program Model Baru Ekonomi (MBE) dapat membantu kumpulan sasar 40 peratus strata berpendapatan terendah di Malaysia dari segi individu dan wilayah agar mereka tidak tersisih dari proses transformasi ekonomi negara yang bakal dilaksanakan.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Model Baru Ekonomi (MBE) bermatlamat mewujudkan negara yang berpendapatan tinggi selaras hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Walaupun MBE memacu kemajuan ekonomi berpendapatan tinggi, sebagai Kerajaan yang prihatin, aspek pembangunan sosial diberikan penekanan supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun sepenuhnya. Dalam hal ini, Kerajaan memastikan peluang penyertaan dalam aktiviti ekonomi secara saksama dikalangan kumpulan sasar. Selain itu, Kerajaan juga memantapkan program jaringan keselamatan sosial bagi membantu kumpulan sasar yang memerlukan.

Prinsip keterangkuman (*inclusiveness*) yang menjadi salah satu teras MBE memastikan kumpulan sasar KPWKM yang lain misalnya wanita, keluarga, OKU dan warga emas tidak dipinggirkan daripada arus perdana pembangunan ekonomi. Mereka diberikan sokongan sewajarnya agar dapat meningkatkan kualiti hidup. Penyertaan penuh kumpulan ini dalam inisiatif di bawah MBE bukan sahaja melonjakkan kualiti hidup mereka malahan berupaya memacu pembangunan seimbang.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan MBE mendorong Kerajaan menggunakan pendekatan *productive welfare* melalui penyediaan persekitaran kondusif dan arah tuju kepada golongan berpendapatan rendah untuk tidak terlalu bergantung kepada Kerajaan dalam mengatasi kekurangan mereka. Sehubungan itu, golongan tersebut perlu digalakkan berusaha dan seterusnya hidup berdikari. Program dan aktiviti yang menjurus kepada pembinaan semangat ingin berdaya maju, berusaha, berkeupayaan dan berkemahiran perlu digiatkan bagi membolehkan mereka bersama-sama menikmati hasil pencapaian ekonomi di samping menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam membantu kumpulan sasar 40% strata berpendapatan terendah, Kerajaan memberi penekanan dalam aktiviti pembangunan keupayaan, akses kepada peluang pekerjaan dan program bercorak keusahawanan. Sehubungan itu, di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara atau lebih dikenali sebagai *National Key Result Area (NKRA)* - Meningkatkan Taraf Hidup Golongan Rakyat Yang Berpendapatan Rendah yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), inisiatif Program 1AZAM telah diperkenalkan untuk menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah dalam bentuk peluang

perniagaan, pertanian, perkhidmatan dan pekerjaan. Projek-projek di bawah program 1AZAM adalah seperti berikut:

(i) **Projek AZAM Niaga**

Projek ini bertujuan untuk menjana peluang perniagaan melalui latihan dan kemudahan pinjaman dengan kerjasama **Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM)**, **Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)** dan **Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)**.

(ii) **Projek AZAM Tani**

Projek AZAM Tani bermatlamat untuk mewujudkan peluang menjana pendapatan dalam sektor berdasarkan pertanian dengan kerjasama **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani**.

(iii) **Projek AZAM Khidmat**

Projek ini bertujuan melatih dan menyediakan individu yang berkemahiran dalam bidang perkhidmatan untuk bekerja sendiri seperti memotong rumput, penjagaan landskap, *mobile car wash*, pembantu pusat jagaan dan penjagaan ibu bersalin.

(iv) **Projek AZAM Kerja**

Projek AZAM Kerja bertujuan untuk menyediakan peluang pekerjaan dengan kerjasama **Kementerian Sumber Manusia**.

Pada masa sama, KPWKM turut melatih 2,000 wanita untuk dibangunkan sebagai usahawan pada akhir tahun 2010. Selain itu, KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah melaksanakan program seperti *Independent Living (IL)*, *Job Coach* dan *Disability Equality Training (DET)* bagi membantu OKU berdikari dan

berpeluang untuk bekerja. Program *Job Coach* misalnya telah dapat membantu OKU dan majikan membuat penyesuaian kepada persekitaran dan bidang kerja. Program ini turut mengambil kira keupayaan OKU supaya mereka dapat bekerja dalam keadaan selesa dan produktif.

Sebagai tambahan, Kerajaan turut memperkuatkan program jaringan keselamatan sosial bagi membantu kumpulan sasar yang kurang mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi. Dalam hal ini, JKM menyediakan bantuan kebajikan kepada kumpulan yang memerlukan seperti warga emas, OKU dan ibu tunggal bagi membantu mereka menjalani kehidupan dengan lebih sempurna.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK]
TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)**

SOALAN

TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI [GOMBAK] minta PERDANA MENTERI
menyatakan dasar Model Ekonomi Baru dan jaminan Kerajaan bahawa dasar ini tidak akan menjelaskan program 'affirmative action' untuk kaum Bumiputera. Apakah model ini akan mengekalkan kuota 30 peratus pegangan ekuiti Bumiputera yang termaktub di dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB).

JAWAPAN :

MBE tidak mensasarkan pencapaian pendapatan mengikut kumpulan etnik. Apa yang disasarkan ialah membuka peluang kepada semua kumpulan etnik supaya mereka boleh

No: 39

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

merebut dalam MBE melalui Pakej Transformasi Ekonomi, bertujuan membuat perubahan besar supaya negara berkembang dengan lebih pantas dan faedahnya dapat dinikmati oleh semua rakyat. Untuk golongan yang tidak bernasib baik, Kerajaan akan memperkenalkan 'affirmative action' yang perlaksaannya akan berasaskan kuasa pasaran. Kaum Bumiputera adalah kumpulan terbesar yang akan mendapat faedah dari dasar ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan memastikan perlaksanaan MBE tidak akan bertentangan dengan keperluan Artikel 153 dalam Perlembagaan yang menyentuh hak-hak istimewa kaum Bumiputera.

HAK-HAK ISTIMEWA KAUM BERPILIPERA: PERTANYAAN LISAN

LISAN

DARIPADA

DATUK MD. SIRAT BIN ABU [BUKIT KATIL]

TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT

13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah insentif galakan yang diberi kepada pemaju perumahan bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan dan perumahan di negara ini.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau atau *Green Technology Financing Scheme* (GTFS) sebanyak RM1.5 bilion telah mula dilaksanakan pada Januari 2010. Insentif ini

No: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

merupakan galakan daripada kerajaan kepada syarikat pengeluar dan pengguna teknologi hijau dalam 4 sektor utama iaitu Sektor Tenaga, Sektor Air dan Pengurusan Sisa, Sektor Pengangkutan dan juga Sektor Bangunan. Syarikat-syarikat ini akan ditanggung kadar faedah atau keuntungan oleh

Kerajaan sebanyak 2% setahun dan jaminan Kerajaan sebanyak 60% daripada jumlah pembiayaan yang diluluskan.

Pemaju Perumahan yang memenuhi kriteria yang ditetapkan iaitu meminimumkan degradasi kualiti persekitaran, mempunyai pembebasan gas rumah hijau yang rendah atau sifar, selamat untuk digunakan dan menyediakan persekitaran sihat dan lebih baik untuk semua hidupan, menjimatkan tenaga dan sumber asli dan menggalakkan sumber-sumber yang boleh diperbaharu layak untuk memohon Skim Pembiayaan ini.

Selain itu, satu indeks penarafan ke atas bangunan mesra alam dikenali sebagai *Green Building Index* (GBI) juga telah dibangunkan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia dan *Association of Consulting Engineers Malaysia* yang bertujuan menggalakkan aplikasi teknologi hijau dan struktur bangunan mapan dalam industri pembinaan di Malaysia. Aplikasi teknologi hijau diambil kira dalam proses pembinaan, pengurusan bangunan, penyelenggaraan dan proses merobohkan bangunan (*demolition of buildings*). GBI ini menyediakan peluang kepada pemaju untuk mereka bentuk dan membina bangunan hijau dan mapan. Insentif galakan yang diberi bagi meningkatkan dan menggalakkan penggunaan teknologi hijau dalam industri pembinaan dan perumahan di negara ini adalah:-

- i) Pengecualian cukai pendapatan yang bersamaan dengan perbelanjaan modal tambahan bagi memperolehi sijil GBI akan diberikan kepada pemilik bangunan jika mereka memperoleh sijil GBI dalam tempoh bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014; dan

ii) Pembeli yang membuat pembelian bangunan dan rumah kediaman yang memperoleh sijil GBI daripada pemaju hartanah dalam tempoh bermula 24 Oktober 2009 sehingga 31 Disember 2014 akan diberikan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik. Nilai pengecualian adalah bersamaan dengan perbelanjaan modal tambahan bagi memperolehi sijil GBI.

Melalui insentif-insentif seperti yang ditawarkan di atas, Kerajaan berharap agar sektor pembinaan dan perumahan di negara ini akan lebih cenderung ke arah mengaplikasikan teknologi hijau serta kecekapan tenaga dalam pembinaan bangunan di masa hadapan.

PARLIMEN MALAYSIA PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT

PERTANYAAN

Lisan

DARIPADA

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]

TARIKH

13 Julai 2010

SOALAN

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

menyatakan strategi dalam memastikan bahan makanan di dalam negara adalah mencukupi dan tidak perlu bergantung kepada import negara luar. Apakah projek-projek pembangunan pertanian yang telah dijalankan di Pulau Pinang pada tahun 2008 dan 2009.

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti strategi-strategi yang berteraskan pengukuhan daya saing pasaran domestik dan global serta penggunaan sumber secara mampan bagi memastikan bahan makanan di dalam negara adalah mencukupi dan tidak perlu bergantung kepada import negara luar. Strategi-strategi tersebut adalah :

- i. penerokaan pertanian bernilai tinggi;
- ii. peningkatan pengeluaran dan produktiviti;
- iii. penglibatan pihak swasta sebagai pemacu pertumbuhan;
- iv. pengukuhan rantaian bekalan agro makanan;
- V. pengukuhan R&D dan inovasi;
- vi. persediaan menghadapi impak perubahan iklim;
- vii. perluasan amalan pertanian mesra alam;
- viii. pelaksanaan amalan kitar semula;
- ix. pembangunan sumber manusia berkualiti; dan
- x. pemakanan untuk kesihatan.

(b) Pada tahun 2008, sebanyak RM47.169 juta telah diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan pertanian di Pulau Pinang manakala pada tahun 2009 pula sebanyak RM20.322 juta telah peruntukkan. Peruntukan ini bagi melaksanakan projek-projek pembangunan seperti Peningkatan Pengeluaran Pelbagai Makanan, Projek Pembangunan Usahawan, Projek Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian, Projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Projek Penyelidikan Dan Pembangunan Perikanan, Projek Pembangunan Kawasan Tumpuan Sasaran Lembu Dan Bebiri, Projek Pembangunan Infrastruktur, Projek

Pengurusan Tanah Terbiar, Projek Pengairan Sawah dan Projek Pembangunan

Industri Asas Tani.

**PEMBERITAHU
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA ; DATO' SRI IR. MOHD ZIN BIN MOHAMED
(SEPANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.07.2010 JMM'U ^I

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed (Sepang) minta Menteri Kewangan menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan supaya kerugian yang menimpa syarikat konglomerat Sime Darby tidak berulang lagi kepada syarikat-syarikat GLC yang lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi tanggungjawab pihak Lembaga Pengarah dan Pengurusan setiap syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) yang dikuasai oleh syarikat berkaitan pelaburan Kerajaan (GLIC) antaranya, seperti Permodalan Nasional Berhad, Khazanah Nasional Berhad dan Lembaga Tabung Haji untuk memastikan sistem kawalan dalaman yang berdaya tahan dan menyeluruh

tersedia di semua GLC di bawahnya bagi memastikan amalan perniagaan terbaik dapat dilaksanakan.

2. Sistem kawalan dalaman yang dimaksudkan termasuk struktur kawal sella yang merangkumi pelbagai aspek termasuk perihal sistem, proses dan kawalan yang dapat membantu mengelak daripada berlakunya salah laku atau kesilapan tadbir dalam syarikat
3. Seterusnya, tanggungjawab memantau perjalanan GLC dari segi pengawal seliaan serta tadbir urus terletak pada juruaudit dalam serta Jawatankuasa Audit di peringkat Lembaga Pengarah setiap GLC.
4. Kerajaan sebagai salah satu *stakeholder*, telah dan akan mengambil langkah-langkah bagi memastikan syarikat-syarikat milik Menteri Kewangan (Diperbadankan) tidak akan mengalami kerugian seperti yang menimpa syarikat konglomerat Sime Darby pada masa depan, di antaranya:
 - (a) Pengurusan syarikat bertanggungjawab untuk mengawal perbelanjaan serta berusaha meningkatkan hasil serta memasukkannya sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) tahunan syarikat; dan
 - (b) pihak Pengurusan perlu mengemukakan laporan secara berkala (suku tahunan) kepada Kementerian Kewangan mengenai keputusan pencapaian KPI syarikat. Ini adalah sebagai iangkah tambahan untuk menyelia prestasi

12-RUG-2005 08:03 FROM

TO 0526934839

P.02/03

syarikat selain dari laporan
TO 0526934839
P.03/03

**yang diterima daripada wakil Perbendaharaan
yang menduduki Lembaga Pengarah syarikat
bagi setiap mesyuarat Lembaga Pengarah.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN

Pertanyaan	PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada	Datuk Chua Soon Bui [Tawau]
Tarikh Menjawab	13 Julai 2010 (Selasa)
Soalan	No. 42

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan bagaimakah Kementerian bercadang untuk mengatasi tuduhan-tuduhan kumpulan antarabangsa alam sekitar dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) kononnya Malaysia Plantations telah bertentangan dengan RSPO (Round Table Sustainable Palm Oil) bagi skim lebih praktikal yang ditubuhkan pada 2004. Apakah agenda tersirat yang diadakan untuk melawan bekalan minyak sawit Malaysia dalam pasaran global.

Tuan Yang ~~DAP~~ SEMBIRU PAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

Pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) untuk menjelaskan mengenai pembangunan mapan industri sawit negara yang memberi penekanan terhadap 3P iaitu:

- i. *People* - pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat oleh syarikat-syarikat perladangan sawit;
- ii. *Planet* - penjagaan alam sekitar dan biodiversiti secara berterusan; dan
- iii. *Profit* - peningkatan produktiviti dan daya saing industri sawit

Pelaksanaan 3P yang memberi penekanan kepada keperluan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk mendapat sambutan baik industri « sawit negara kerana mereka menyedari impak positif sumbangan industri sawit sebagai jentera pembangunan sosio-ekonomi yang mendarangkan manfaat kepada negara.

Agenda tersirat yang menghalang pengimportan minyak sawit boleh dikaitkan dengan kehendak pihak-pihak tertentu untuk mempertahankan kepentingan mereka. Di Eropah, pengeluar minyak sesawi (*rapeseed oil*) dan pelobi yang ingin menjaga kepentingan industri ini sering mengambil langkah untuk menentang import minyak sawit.

Tuduhan-tuduhan tidak berasas yang sering dibangkitkan termasuk:

- i. kemusnahan alam sekitar, pengurangan populasi orang utan dan biodiversiti berikutan dari penebangan hutan tropika untuk pembukaan kawasan perladangan sawit; dan
- ii. isu pemakanan melibatkan kandungan asid lemak lepu di dalam minyak sawit.

Di Amerika Syarikat pula, pengeluar-pengeluar kacang soya giat melobi Kerajaan Amerika Syarikat melalui polisi pertanian mereka untuk memperkenalkan halangan bukan tarif yang dilihat boleh menghalang kemasukan minyak sawit ke negara tersebut. Di antara halangan bukan tarif yang sedang diusahakan ialah:

- i. memperkenalkan keperluan yang lebih ketat untuk memenuhi definisi biojisim (biomas) boleh diperbaharui untuk pengeluaran biobahan api (biofuel); dan
- ii. mengambilkira Impak Gunatanah Tidak Langsung (*Indirect Land Use Change - I LUC*) di dalam pengiraan pelepasan gas rumah hijau bagi *Renewable Fuel Standard 2*.

Kementerian bersama-sama dengan Perwakilan Malaysia di luar negara, MPOB dan MPOC akan sentiasa memantau perkembangan ke atas tuduhan-tuduhan yang tidak berasas oleh Badan-badan Bukan Kerajaan. Ini termasuk menyediakan maklumat yang tepat dan segera bagi menangkis dakwaan tidak berasas yang dilaporkan dalam media elektronik dan media cetak. Industri sawit negara merupakan salah satu tonggak ekonomi dan sumber utama pendapatan negara.

JAWAPAN

NO. AUM : 9 NO. AUP.

:

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH 13 JULAI 2010

RUJUKAN 2816

SOALAN:

Datuk Siringan Bin Gubat [Ranau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan data kemalangan jalan raya di Sabah sepanjang lima tahun yang lalu mengikut waktu siang dan waktu malam kerana keadaan memperlihatkan banyak kemalangan jalan raya berlaku yang tersiar melalui akhbar menyatakan berlaku awal pagi.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, jumlah kemalangan di seluruh negeri Sabah bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2005 hingga 2009 adalah 76,228 kes. Daripada jumlah kemalangan

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

yang dilaporkan itu, 25,069 berlaku pada waktu malam iaitu dari jam 6:01 petang hingga 5:59 pagi. Manakala 51,159 kes berlaku pada waktu siang iaitu antara jam 6:00 pagi hingga 6:00 petang.

No: 44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR

PERTANYAAN

**MULUT
13.07.2008**

T ARIKH

44

SOALAN NO

Dato' Haji Mahfuz bin Omar (Pokok Sena) minta MENTERI KEWANGAN

menyatakan mengenai penglibatan JKR di dalam penilaian kerja-kerja infrastruktur PKFZ oleh *Task Force PKFZ* yang dipengerusikan oleh KSN dan di tahap manakah penyediaan laporan JKR dalam perkara di atas. Adakah pihak *Task Force* akan menggunakan Laporan tersebut untuk mengambil tindakan lanjut terhadap mereka yang terlibat dalam salah laku dan penyelewengan PKFZ ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Pasukan Petugas Khas (*Special Task Force*) Projek Pembangunan *Port Klang Free Zone* (PKFZ) telah mengarahkan supaya Jabatan Kerja Raya (JKR):

1. membuat siasatan, pemeriksaan, pengujian, penilaian dan penganalisaan yang berkaitan dengan kerja-kerja Projek Pembangunan PKFZ dari segi kewangan dan teknikal; dan
- ii. menyediakan laporan pakar bagi kes sivil yang akan diambil oleh Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) dan apa-apa kes yang akan diambil oleh Kerajaan berbangkit daripada Projek PKFZ.

2.

Lap

oran awal telah dikemukakan kepada *Special Task Force* pada 8 Mac 2010 dan Laporan Penilaian Lengkap sedang disediakan oleh pihak JKR. Laporan-laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk penstruktur semula kewangan LPK dan PKFZ serta digunakan oleh LPK dan Kerajaan bagi kes saman sivil di mahkamah

SOALAN NO: 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

kelak.

SOALAN NO: 46

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

**DARIPADA TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK
 BADAK [LUBOK ANTU]**

TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan semasa pilihan raya kecil Batang Ai, Kementerian telah berjanji untuk mendirikan 5 buah menara telekomunikasi di daerah Lubok Antu dan setakat manakah janji ini ditunaikan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan kini dalam usaha memperluaskan liputan selular di seluruh negara dengan tumpuan di kawasan-kawasan pedalaman dan luar bandar. Usaha ini yang dikenali dengan Program Time 3 telah pun bermula pada bulan Mei 2009 bagi Fasa 1 yang menumpukan kawasan-kawasan Felda di seluruh negara.

Pelaksanaan Fasa 2 yang merangkumi menara-menara di negeri Sarawak dijangka akan bermula pada bulan Julai 2010 dan akan siap secara berperingkat sehingga pertengahan tahun 2011. Ini termasuk 5 buah menara yang dijanjikan oleh Kerajaan semasa Pilihan Raya Kecil Batang Ai pada bulan April 2009. Dengan siapnya menara-menara ini menjelang pertengahan tahun 2011, liputan selular di Batang Ai akan menjadi lebih baik bagi membolehkan perkhidmatan komunikasi selular dinikmati oleh masyarakat setempat serta kawasan-kawasan berhampirannya.

NO.AUM : 84

NO. AUP : <0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : RUJUKAN
LISAN

DARIPADA TUAU MOHD ABDUL WAHID
[KUALA TERENGGANU]

TARIKH 13 JULAI 2010
2878

SOALAN:

Tuan Mohd Abdul Wahid [Kuala Terengganu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan siapakah dalang di sebalik NGO (GERTAK) Gerakan Kebangkitan Rakyat dan Institusi Integriti Negeri Terengganu yang merancang perhimpunan “Melayu Bangkit” yang ditangguhkan pada saat-saat akhir sempena memperingati peristiwa berdarah 13 Mei 1969 di Stadium Tertutup Kuala Terengganu pada 13hb Mei yang baru lalu.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada ahli Yang Berhormat Kuala Terengganu yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Gerakan Kebangkitan Rakyat (GERTAK) adalah sebuah pertubuhan atau kumpulan tidak berdaftar terdiri daripada gabungan 24 buah NGO seluruh Negeri Terengganu. Kumpulan ini diwujudkan pada 3 Januari 2010 khusus untuk menangani dan membantah isu penggunaan Kalimah Allah oleh akhbar *The Herald - "Katholic Weekly*

GERTAK dan Institut Integriti Malaysia (IIM) Negeri Terengganu sebelum ini merancang mengadakan program bertajuk ‘Melayu Bangkit’ pada 13 Mei 2010, bertempat di Stadium Tertutup Gong Badak, Kuala Terengganu. Bekas Perdana Menteri, Tun. Dr. Mahathir bin Mohamed telah dijemput untuk menyampaikan ucaptama di samping membincangkan beberapa isu termasuk Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 dan perancangan ke arah penyatuan orang Melayu. Mengikut kumpulan ini, tarikh 13 Mei 2010 dipilih adalah bertujuan mengenang kembali peristiwa yang berlaku pada tarikh tersebut agar peristiwa seperti itu tidak berulang kembali kerana ia telah menjaskan keharmonian dan ketenteraman rakyat negara ini yang pernah hidup aman dan damai.

NO.AUM : 86

Walau bagaimanapun, program

berkenaan telah dibatalkan ekoran desakan dan bantahan dari pelbagai pihak yang keliru dengan pemilihan tarikh tersebut.

Kerajaan dalam pada itu akan terus bersikap tegas dan adil serta tidak akan teragak-agak mengambil sebarang tindakan di sisi undang- undang untuk membendung dan seterusnya membanteras sebarang bentuk kegiatan yang cuba dicetuskan oleh mana-mana pihak yang membangkitkan isu-isu sensitif perkauman dan mengundang ketegangan kaum di negara ini.

NO. AUP : *0

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI

[KUALA NERUS]

TARIKH 8 JUN 2010

RUJUKAN 2682

SOALAN:

JAWAPAN

Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah anggota Polis yang cedera atau mati akibat tentangan penjenayah dalam tempoh lima tahun lalu dan apakah usaha Kementerian dalam menangani cubaan pihak tertentu untuk memburukkan institusi kepolisian di negara ini.
Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Nerus yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, mengikut statistik PDRM, jumlah anggota polis yang mati dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu adalah seramai sepuluh (10) orang anggota. Manakala jumlah anggota polis yang cedera pula adalah seramai lapan (8) orang anggota.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian memandang serius cubaan sesetengah pihak yang cuba untuk memburukkan institusi kepolisian di negara ini. Oleh yang demikian, kementerian telah menjalankan beberapa pendekatan supaya imej polis di negara ini dipandang tinggi seperti mengadakan program Hari Bertemu Pelanggan PDRM, menjalinkan kerjasama antara PDRM dan jawatankuasa penduduk bagi membanteras jenayah setempat, mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana

NO.AUM : 89

individu atau pertubuhan yang membuat tuduhan negatif yang boleh merosakkan imej PDRM dan memberikan latihan dan maklumat yang terperinci kepada setiap anggota PDRM supaya dapat menjaga imej PDRM.

NO.AUM : 52
NO. AUP : *(-£

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA DATO' DR. HAJI MOHD HAY ATI BIN OTHMAN

[PENDANG]

TARIKH 13JULAI 2010

RUJUKAN 2821

SOALAN:

Dato' Dr. Haji Mohd Hayati Bin Othman [Pendang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah kes di mana melibatkan polis menembak mati penjenayah dan apakah punca kepada penjenayah tersebut terus ditembak mati dan berapa kes yang ditangkap dan dibicarakan dan berapa penjenayah yang telah menjalani hukuman sepanjang 5 tahun lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Pendang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sejak tahun 2005 hingga 2009 terdapat 102 kes yang melibatkan penjenayah ditembak mati oleh polis. Dalam kes-kes yang sedemikian, pihak polis akan menggunakan senjata api sebagai pilihan terakhir di mana tembakan hanya akan dilepaskan sekiranya penjenayah enggan menyerah diri serta melawan sehingga boleh mengancam nyawa anggota polis. Prosedur penggunaan senjata api oleh anggota polis semasa bertugas adalah berpandukan kepada Perintah Tetap Ketua Polis Negara (IGSO) Bab D222 (Penggunaan Senjata Api Oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Daripada kes-kes yang dinyatakan tadi, bagi tempoh dari tahun 2005- 2009 seramai 530 orang penjenayah telahpun ditangkap dan dibicarakan di Mahkamah.

NO. AUM : 53

NO. AUP :

**PEMBERITAHU
AN
PERTANYAAN
BAGI JAWAB
LISAN
DEWAN
PERTANYAAN
DARIPADA LISAN
 DATUK RAIME BIN UNGGI(TENOM)**

**TARIKH 13 JULAI 2010
RUJUKAN 2822**

SOALAN:

Datuk Raime Bin Unggi (Tenom) minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan penyertaan gulongan belia dalam Skuad Muda Ikatan Relawan Rakyat Malaysia(RELA) sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu kearah mengurangkan kadar jenayah jalanan. Bagaimanakah prestasi mereka setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tenom yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang Mulia ini, Kementerian ini melalui Ibu pejabat RELA Malaysia dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan baru-baru ini telah membuat pengambilan seramai 280,000 orang Belia daripada kumpulan Rakan Muda Belia diserapkan menjadi Skuad Muda Ikatan Relawan Rakyat Malaysia. Selain daripada itu seramai kira-kira 492,141 orang Anggota RELA yang sedia ada adalah dari golongan belia dibawah umur 35 tahun.

Adalah diharapkan supaya penglibatan golongan Belia dan muda dalam Pasukan Rela membantu dalam program-program penjegahan jenayah jalanan dan lai-lain jenis pencegahan jenayah kecil-kecilan bersama-sama pihak PDRM seperti menjalankan rondaan/kawalan di kawasan-kawasan Bandar-bandar, Taman-taman perumahan atau kampung-kampung, dan bersama-sama pihak AADK membuat pemerkosaan dan tangkapan kepada

mereka yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah supaya dapat menghindarkan mereka kearah perlakuan jenayah. Selain daripada itu Anggota Rela dari gulongan muda juga telah dilantik menjadi Anggota Polis Sukarelawan(PVR) yang mana mereka ditugaskan bersama PDRM membuat Rondaan Cegah Jenayah di empat buah Negeri Hot Spot.

Setakat ini Kementerian sangat-sangat berpuas hati dengan penglibatan dan prestasi Skuad Muda Rela dan gulongan belia dalam Pasukan Ikatan Relawan Rakyat Malaysia terutama tugas NKRA membenteras jenayah jalanan bersama-sama pihak PDRM.

No:50

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL (MACHANG)
PERTANYAAN	LISA N
TARIKH	13.07.2010
SOALAN NO	50

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail (Machang) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dalam siasatan Kerajaan Australia ke atas ahli perniagaan Malaysia Abdul Kayum Syed Ahmad berhubung skandal percetakan '*polymer bank note*' adakah Australia meminta kerjasama Bank Negara Malaysia memandangkan syarikat '*Note Printing Australia*' beroperasi di Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia memaklumkan bahawa pihak Polis Persekutuan Australia telah bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menyiasat dakwaan berhubung skandal percetakan wang kertas polimer yang melibatkan seorang ahli perniagaan Malaysia.

2. Setakat ini, Bank Negara Malaysia tidak menerima apa-apa permohonan kerjasama secara rasmi daripada Kerajaan Australia atau agennya dalam menjalankan siasatan tersebut. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia sentiasa bersedia untuk memberikan kerjasama sepenuhnya dalam sebarang siasatan yang dijalankan oleh pihak SPMR terhadap perkara ini.

3. *Note Printing Australia* (NPA) tidak beroperasi secara langsung di Malaysia. Sebaliknya, NPA telah melantik syarikat tempatan sebagai agen pemasaran produk bagi pihaknya sebelum perkhidmatan syarikat tersebut ditamatkan pada tahun 2007.

NO.AUM : 57

NO. AUP : 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**
PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO* SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM]

13 JULAI 2010

TARIKH 2823

RUJUKAN

SOALAN:

Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjung Malim] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah langkah keselamatan yang diambil oleh Polis Di-Raja Malaysia (PDRM) dalam penggunaan senjata api semasa menjalankan penguatkuasaan. Apakah jenis latihan yang diberikan kepada anggota PDRM bagi membolehkan mereka kompeten dalam mengendalikan kes-kes sekatan dan tangkapan ke atas penjenayah merbahaya.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tanjong Malim yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan dewan yang mulia ini, sekiranya pihak polis berhadapan dengan penjenayah bersenjata semasa bertugas, penjenayah berkenaan akan diarah supaya menyerah diri dan tidak melawan. Tembakan hanya akan dilepaskan sekiranya penjenayah enggan menyerah diri serta melawan sehingga boleh mengancam nyawa anggota polis. Sekiranya penjenayah menggunakan senjata api, pihak polis tidak akan bertindak sehinggalah penjenayah melepaskan tembakan terlebih dahulu barulah pihak polis bertindakbalas demi untuk mempertahankan diri.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi memastikan anggota-anggota polis sentiasa kompeten dalam melaksanakan tugas mereka, anggota-anggota PDRM sentiasa diberi kefahaman dan latihan mengenai penggunaan senjata api ketika bertugas. Pengetahuan mengenai perkara tersebut didedahkan semasa latihan asas Inspektor dan Konstabel dan ianya sentiasa diulangi semasa pegawai atau anggota bertugas di kontinjen/formasi. Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-

pelatih didedahkan

Manakala, semasa di Pusat Latihan Polis, pelatih-pelatih didedahkan dengan pengetahuan mengenai tatacara melepaskan tembakan dan hak mempertahankan diri ketika bertugas sepetimana yang terkandung dalam Kanun Keseksaan serta Perintah Tetap Ketua Polis Negara (KPN) Bab D 222 (Penggunaan Senjata api oleh Pegawai Polis).

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam memastikan anggota-anggota PDRM sentiasa peka dan mengikuti segala arahan yang terkandung dalam Perintah Tetap berkenaan, latihan-latihan amali yang merangkumi kaedah pengendalian pistol dan latihan amali lapang sasar sentiasa dilakukan. Dalam kedua-dua latihan berkenaan, anggota akan didedahkan dengan pengetahuan yang bukan sahaja merangkumi tentang pengendalian senjata api tetapi juga pengetahuan mengenai bila masanya untuk melepaskan tembakan. Selain daripada itu, pemeriksaan terhadap senjata yang digunakan juga kerap dilakukan bagi memastikan senjata dalam keadaan baik dan tidak rosak.

No: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA	TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)
PERTANYAAN	LISAN
TARIKH	13.07.2010
SOALAN NO	52

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan segera Kerajaan terhadap kerugian Sime Darby yang melibatkan wang rakyat berjumlah RM1.6b dan apakah kerugian tersebut memberi kesan kepada jumlah dividen pencarum KWSP dan pelabur ASB.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan segera Kerajaan terhadap kerugian yang dialami oleh Sime Darby Bhd (Sime Darby) adalah melalui agensi-agensi seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang telah memulakan penyiasatan mendalam ke atas Sime Darby. Kerajaan secara amnya sedang memantau dengan teliti perkembangan kerugian ini.

2. Disamping itu, di peringkat syarikat, bagi tujuan penyiasatan dan menangani masalah kerugian ini, Sime Darby sedang melaksanakan audit forensik yang dilakukan oleh perunding dan firma guaman bebas. Audit forensik ini dijangka selesai pada akhir bulan Ogos 2010.

3. Kerajaan amat prihatin dengan isu kerugian ini memandangkan saiz kerugian serta potensi kesannya ke atas lebih 10 juta rakyat Malaysia yang merupakan pemegang saham Sime Darby menerusi dana saham yang diurus oleh Permodalan Nasional Bhd (PNB) serta menerusi simpanan di dalam Kumpulan Wang Simpanan

No: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

Pekerja (KWSP).

4. Perlu dijelaskan bahawa kedudukan kewangan Sime Darby secara keseluruhannya masih kukuh. Walaupun terdapat peruntukan kerugian berjumlah RM1.7 bilion bagi empat projek di bawah Bahagian Tenaga & Utiliti, Sime Darby secara keseluruhannya masih mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM1.7 bilion dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM804 juta untuk tiga suku pertama tahun kewangan 2010 yang disumbangkan oleh Bahagian-bahagian Perladangan, Perindustrian, Harta Tanah dan Kenderaan Bermotor.

5. Sehubungan itu, kerugian tersebut tidak memberi kesan kepada dividen Sime Darby. Polisi agihan dividen Sime Darby masih kekal iaitu pada nisbah pembayaran keluar dividen sebanyak 50%. Malah, dalam tahun kewangan 2010, Sime Darby telah membuat agihan dividen sebanyak 7 sen sesaham. Jumlah agihan sebanyak RM421 juta ini adalah merupakan 52% daripada keuntungan selepas cukai tiga suku pertama tahun kewangan 2010 (RM804 juta).

SOALAN NO. 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT PERTANYAAN JAWAB

LISAN

DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
(LENGGONG)

TARIKH **13 JULAI 2010 (SELASA)**

SOALAN

Y.B. Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] mintaMENTERI

PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan:

- (a) pencapaian Kementerian sehingga sekarang dalam usaha membantu golongan yang memerlukan; dan

- (b) jumlah penerima pelbagai bantuan Kementerian mengikut negeri sehingga kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak Kerajaan amat prihatin terhadap keperluan golongan yang berpendapatan rendah terutamanya kesukaran yang dihadapi berikutan kenaikan kos sara hidup. Dalam hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensi utamanya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mencatat pelbagai pencapaian dalam memastikan golongan ini tidak dipinggirkan daripada mendapat bantuan sewajarnya daripada Kerajaan.

Bagi memperkuuh dan meluaskan liputan jaringan keselamatan sosial, Kerajaan bersetuju tahap kelayakan pendapatan isi rumah bagi penerima bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dinaikkan daripada RM400 sebulan kepada Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, RM830 (Sarawak) dan RM960 (Sabah) mulai tahun 2009.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, JKM pada masa ini mempunyai 2 skim bantuan utama iaitu Skim Bantuan Persekutuan (dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan) dan Skim Bantuan Am Negeri (dibiayai oleh kerajaan negeri). Secara amnya, kadar Skim Bantuan Persekutuan adalah seragam di seluruh negara. Manakala, kadar Skim Bantuan Am Negeri adalah lebih rendah daripada skim-skim bantuan persekutuan serta tidak seragam antara satu negeri dan negeri yang lain. Justeru, KPWKM telah mengambil tindakan memperluaskan pemberian Skim Bantuan Kebajikan

Persekutuan seperti Skim Bantuan Orang Tua (BOT), Skim Bantuan Kanak-Kanak dan lain-lain bantuan ke negeri Sabah dan Sarawak mulai Januari 2009. Langkah ini diambil bagi memastikan lebih ramai golongan yang memerlukan menerima Skim Bantuan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, JKM telah melaksanakan pembayaran bantuan wang kebajikan pada setiap 1 hari bulan bermula 1 September 2009 di Semenanjung Malaysia dan 1 Januari 2010 bagi Sabah dan Sarawak. Ini membolehkan penerima bantuan merancang perbelanjaan dengan lebih teratur dan berkesan.

KPWKM juga sentiasa peka dengan kadar bantuan yang disalurkan agar ia selaras dengan keadaan semasa. Sehubungan itu, semasa pembentangan Bajet 2008, Kerajaan telah menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat daripada RM200 kepada RM300 seorang sebulan bagi OKU yang berpendapatan RM1,200 sebulan. Selain itu, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar / Pesakit Kronik Terlantar (BPT) dengan kadar bantuan sebanyak RM300 seorang sebulan juga telah diperkenalkan. Manakala, kadar Bantuan Orang Tua telah dinaikkan daripada RM200 kepada RM300 seorang sebulan. Sebagai tambahan, Kerajaan juga telah memperkenalkan Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) dengan kadar RM150 seorang sebulan pada tahun 2009.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam meningkatkan keberkesanan perkhidmatan kepada kumpulan sasar, KPWKM melalui JKM telah memperkenalkan pendekatan pendampingan sosial

(*social outreach programme*) dengan mewujudkan Unit Khidmat Penyayang. Unit ini bergerak dari satu kawasan ke satu kawasan mengikut jadual yang ditetapkan bagi memastikan masyarakat yang berkeperluan berpeluang mendapat perkhidmatan kebajikan yang sewajarnya.

Walau bagaimanapun, didapati masih terdapat kes-kes terpencil dan terpinggir yang tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya tidak berpeluang mendapatkan perkhidmatan JKM. Sehubungan itu, Projek Cari telah dilaksanakan pada bulan Julai 2008 bagi mengesan kes-kes terpencil dan terpinggir yang memerlukan bantuan kebajikan. Dalam hal ini, sebanyak 268,997 kes telah dikesan melalui rujukan Ahli Parlimen, Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN), ketua kampung dan Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung Persekutuan (JKKKP) selain daripada kakitangan JKM. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 140,159 kes telah diluluskan bantuan kebajikan yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM39 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

- (b) Jumlah penerima bantuan kebajikan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 31 Mei 2010 mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	BIL KES	JUMLAH RM
Perlis	6,083	4,695,985
Kedah	38,506	49,213,964
Pulau Pinang	17,105	26,892,905
Perak	28,905	34,069,710
Selangor	28,319	41,908,431
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	14,691	17,670,543
Negeri Sembilan	19,268	26,009,430
Melaka	19,931	27,076,746
Johor	30,610	49,044,989
Pahang	18,746	22,486,820
Terengganu	28,020	16,872,163
Kelantan	29,249	40,070,685
Sarawak	34,204	43,796,008
Sabah	70,991	74,675,157
NEGERI	BIL KES	JUMLAH RM
Wilayah Persekutuan Labuan	616	750,511
JUMLAH	385,244	475,234,047

No: 54

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA TUAN HEE LOY SIAN (PETALING JAYA SELATAN)

PERTANYAAN LISAN

13.07.2010

TARIKH

54

SOALAN NO

Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan) minta MENTERI KEWANGAN menyatakan berikan sebab mengapa berlakunya kerugian besar syarikat oleh Sime Darby dan juga Pos Malaysia Berhad pada tahun kewangan yang diumumkan baru-baru ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan kerugian berjumlah RM1.7 bilion oleh Sime Darby Bhd (Sime Darby) adalah disebabkan oleh kelewatan menyiapkan projek dan lebihan kos yang dialami oleh empat projek di bawah Bahagian Tenaga dan Utilitinya bagi tempoh dari permulaan setiap projek sehingga suku ketiga tahun kewangan 2010 (suku ketiga berakhir 31 Mac 2010). Projek-projek tersebut adalah:

- | | |
|------|---|
| i. | projek Qatar Petroleum; |
| ii. | projek Maersk Oil Qatar; |
| iii. | projek pembinaan vesel-vesel untuk digunakan dalam projek MOQ (Projek Marin); dan |
| iv. | projek empangan hidroelektrik Bakun. |

2. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya kedudukan kewangan Sime Darby masih kukuh dengan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak

RM1.7 bilion dan keuntungan selepas cukai sebanyak RM804 juta bagi tempoh tiga suku pertama tahun kewangan 2010 yang disumbangkan oleh Bahagian-bahagian Perladangan, Perindustrian, Harta Tanah dan Kenderaan Bermotor.

3. Pos Malaysia Berhad (Pos Malaysia) pula telah dikorporatkan dari Jabatan Pos kepada Pos Malaysia pada tahun 1992. Sejak dikorporatkan, Pos Malaysia tidak pernah mencatatkan kerugian dari segi operasi, malah ia masih mampu membayar bonus kepada kakitangannya dan membayar dividen kepada pemegang sahamnya.
4. Kerugian yang dialami oleh Pos Malaysia pada tahun 2007 dan 2008 seperti yang digembar-gemburkan di media dan menjadi perhatian umum baru-baru ini bukanlah kerugian operasi syarikat, tetapi adalah kerugian dari segi rosot nilai pelaburan Pos Malaysia dalam Transmile Group Berhad. Peruntukan kerugian rosot nilai pelaburan yang ditanggung oleh Pos Malaysia bagi tahun 2007 dan 2008 adalah berjumlah RM141 juta dan RM87 juta masing-masing.
5. Masalah yang berlaku di Transmile pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh penyelewengan laporan kewangan, di mana kesihihan keputusan kewangan Transmile tidak dapat dibuktikan melalui dokumen-dokumen yang sah. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah memfailkan saman kepada bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan Transmile. Langkah yang sama juga telah diambil oleh pihak pengurusan baru Transmile sendiri ke atas bekas Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Kewangan tersebut.

NO.AUM : 5

NO. AUP : 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI]

TARIKH

13 JULAI 2010

RUJUKAN

2815

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa jumlah kerakyatan dan hak warganegara diberi kepada rakyat asing sepanjang tempoh 3 tahun lepas dan berapa peratus warganegara yang diberi hak kerakyatan Malaysia memberi sumbangan yang ketara mengharumkan nama negara dan menyumbang bakti dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, pendidikan, sukan dan

JAWAPAN

ekonomi.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sibuti yang mengemukakan pertanyaan.

Jumlah permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah diluluskan dari tahun 2007 sehingga Disember 2009 ialah 25,388. Walau bagaimanapun, Kementerian tidak dapat mengemukakan maklumat mengenai peratusan mereka yang mendapat warganegara Malaysia yang telah memberi sumbangan mengharumkan nama negara kerana rekod ini tidak disimpan di Kementerian.

Tuan Yang DiPertua,

Faktor sumbangan kepada negara atau mengharumkan nama negara bukan merupakan faktor utama di dalam mempertimbangkan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia. Kementerian akan menimbangkan kesemua permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan di samping ianya melalui pelbagai peringkat proses tapisan yang dibuat secara terperinci. Selain dari itu, tempoh bermastautin dan mempunyai akar umbi di negara ini melalui hubungan kekeluargaan juga diambil kira di dalam mempertimbangkan sesuatu permohonan taraf kewarganegaraan

JAWAPAN

Malaysia.

Walau bagaimanapun, adalah menjadi harapan Kerajaan bahawa mereka yang telah dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia mempunyai taat setia kepada negara, menghormati dan menjunjung asas Perlembagaan negara serta prinsip-prinsip Rukun Negara.

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA DATUK HALIMAH BINTI MOHD SADIQUE
[TENGGARA]**

TARIKH 13 JULAI 2010 (SELASA)

SOALAN

Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN menyatakan tahap kesediaan Kerajaan menggunakan aplikasi rangkaian sosial maya seperti Facebook dan Twitter sebagai medium untuk mempromosikan dasar-dasar dan program Kerajaan. Berapakah bilangan Kementerian dan Jabatan Kerajaan yang sehingga kini masih tiada akaun Facebook dan Twitter.

JAWAPAN:

SOALAN NO: 57

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI DEWAN
RAKYAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan perkembangan aplikasi rangkaian sosial maya, KPKK di bawah Jabatan Penerangan telah mengorak langkah dengan menggunakan media baru sebagai medium untuk menyampaikan maklumat, dasar dan hasrat Kerajaan, menjelaskan mengenai isu-isu

semasa dan sebagai sumber maklum balas reaksi rakyat terhadap sesuatu isu.

Sehingga kini, Jabatan Penerangan telah mewujudkan *Facebook Fan Page* Jabatan Penerangan (www.facebook.com/pages/Jabatan-Penerangan). Jabatan ini juga telah mewujudkan *Youtube Channel* Jabatan Penerangan (www.youtube.com/user/JapenMsia) yang bertujuan untuk memuat naik audio dan visual berkaitan dengan dasar dan kempen Kerajaan khususnya Gagasan 1 Malaysia.

Selain itu, Jabatan Penerangan juga aktif dalam menyebarkan maklumat, berkongsi pendapat dan memberi penjelasan mengenai sesuatu isu melalui penulisan blog. 2 blog yang menjadi tumpuan ramai adalah blog Ketua Pengarah Penerangan (<http://pmr.penerangan.gov.my/chainmorad>) dan blog Timbalan Ketua Pengarah Penerangan (<http://pmr.penerangan.gov.my/alwayselamat>).

Hasil pemantauan yang dilaksanakan oleh MAMPU pada 26 hingga 27 Mei 2010 terhadap 138 agensi Kerajaan Persekutuan, didapati sebanyak 98 agensi tidak memiliki akaun *Facebook* dan 126 agensi tiada akaun *Twitter*.

NO. AUM : 45

NO. AUP :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDIN
DARIPADA [AMPANG]
TARIKH 13 JULAI 2010
RUJUKAN 2819

SOALAN

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapa ramaikah warga asing yang tinggal di Ampang sama ada secara sah atau tidak dan apakah usaha Kerajaan untuk mengawal kebanjiran mereka.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Ampang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan khususnya Kementerian Dalam Negeri buat masa ini tidak mempunyai satu mekanisme khusus untuk mendapatkan jumlah warganegara asing, sama ada sah atau tidak sah yang tinggal di mana-mana kawasan di Malaysia. Walau bagaimanapun, pemerhatian Kerajaan mendapati daerah Ampang sememangnya menjadi tumpuan warganegara asing untuk dijadikan tempat tinggal. Ini adalah kerana daerah Ampang mempunyai daya tarikan yang tersendiri kepada warganegara asing untuk tinggal di situ.

Pemerhatian Kerajaan juga mendapati bahawa kebanyakan warganegara asing ini merupakan golongan yang mempunyai pas yang sah untuk berada di Malaysia sebagai pelancong atau pun atas pas jangka panjang, termasuklah peserta-peserta program "Malaysia My Second Home" serta pegawai dagang yang bekerja di Malaysia sebagai profesional.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara usaha Kerajaan dalam mengawal kehadiran warganegara asing adalah melaksanakan operasi penguatkuasaan secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara. Dalam hubungan ini, Jabatan Imigresen Malaysia telah melaksanakan sebanyak 7,099 operasi sepanjang tahun 2009 di mana sejumlah 998 operasi telah dijalankan di negeri Selangor. Dalam tempoh yang sama sejumlah 47,310 tangkapan telah dibuat, yang mana 6,089 merupakan tangkapan yang dilakukan di negeri Selangor.

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	YB Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] 13 JULAI 2010
TARIKH	(SELASA)
SOALAN	Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta

PERDANA MENTERI menyatakan perancangan-perancangan yang akan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Khas Untuk Mempromosikan Persefahaman dan keharmonian Antara Agama.

JAWAPAN: (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Sejak awal tahun 2005, Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah Majlis Perpaduan Negara telah mewujudkan satu jawatankuasa di bawahnya di mana beberapa pemimpin pelbagai pertubuhan (NGO) agama bersama-sama dengan ketua-ketua dari Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dapat berdialog secara sistematik dan tersusun supaya mencapai persefahaman dan keharmonian antara para penganut pelbagai agama. " ^ "

Wakil-wakil agama terdiri daripada pemimpin-pemimpin dari ACCIN dan MCCBCHST. ACCIN ialah *Allied Coordinating Committee for Islamic NGOs* yang merangkumi 17 NGO Islam termasuk Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Jemaah Islam Malaysia (JIM) dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM). MCCBCHST ialah *Malaysian Consultative Committee for Buddhism, Christianity, Hinduism, Sikhism and Taoism*.

Dipengerusikan oleh Y.Bhg Datuk Hajah Ilani binti Isahak, jawatankuasa ini yang dikenali sebagai Jawatankuasa Kerja Perhubungan Antara Penganut Agama telah menganjurkan beberapa pertemuan dan dialog, di samping mengadakan mesyuaratnya secara tertutup. Lanjutan daripada perubahan sosio-politik pada tahun 2008 dan 2009, jawatankuasa ini tertangguh selepas pertengahan tahun 2009.

Selepas beberapa kejadian yang melibatkan gereja, masjid dan gurdwara pada bulan Januari 2010, Jemaah Menteri memutuskan untuk melantik Y.Bhg Datuk Ilani sebagai Penyelaras Khas untuk mengadakan perbincangan dengan pemimpin-pemimpin agama, secara berasingan dan secara bersama, dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dan keharmonian antara penganut agama.

Hasil daripada proses perbincangan ini yang melibatkan wakil-wakil dari ACCIN dan MCCBCHST, satu cadangan telah dikemukakan kepada Jemaah Menteri supaya ditubuhkan Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Agama. Jawatankuasa ini yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada pertengahan bulan Mac 2010 merupakan mekanisme semata-mata untuk berdialog dan berunding. Ia bukanlah sebuah suruhanjaya dan tidak

mempunyai sebarang kuasa perundangan, fungsi eksekutif.

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat pertamanya pada awal bulan April secara tertutup, satu media elektronik telah melaporkannya sebagai Suruhanjaya Antara Agama atau *Inter-faith Commission* yang pernah dicadangkan pada beberapa tahun dahulu, tetapi telah ditolak sebab ianya dianggap tidak sesuai.

Akibat daripada laporan media ini, maka timbulah banyak pandangan yang berbeza-beza dalam media massa. Di antaranya ialah perasaan bimbang bahawa namanya yang berbunyi “keharmonian antara agama” mungkin membawa maksud untuk menyamakan (*harmonise*) ajaran antara agama dan oleh itu, akan mencerobohi rukun dan ajaran agama, khasnya agama Islam. Ada juga yang menimbulkan persoalan sama ada jawatankuasa sedemikian akan menyentuh hak dan kuasa Raja-raja Melayu dalam bidangkuasa agama Islam. Terdapat juga media yang tertentu yang salah tafsir kata-kata dari pemimpin-pemimpin tertentu sehingga menjadikan suasana agak keliru dan hangat.

Walaupun terdapat perbezaan pandangan, tetapi hampir semua pihak bersetuju bahawa dialog antara pemimpin-pemimpin agama memang wajar digalak dan diadakan. Sebenarnya, IKIM sendiri pernah menganjurkan dialog-dialog sedemikian, manakala Malaysia telah giat mengambil bahagian dalam dialog antara agama di peringkat antarabangsa, misalnya rombongan rasmi Malaysia yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Dr Nazrin Shah telah menyertai Dialog Kepercayaan yang dianjurkan oleh Non-Aligned Movement (NAM) di Manila pada bulan Mac tahun ini.

Oleh itu, perbincangan diadakan dengan para pemimpin ACCIN dan MCCBCHST masing-masing untuk mencari persefahaman mengenai nama dan struktur yang sesuai untuk tujuan menggalakkan dan mengadakan dialog antara para pemimpin agama. Adalah perlu untuk memastikan bahawa mekanisme dialog sedemikian hendaklah berpaksikan Perlembagaan Persekutuan serta tidak menyentuh kuasa Raja-Raja dalam bidang kuasa agama Islam dan hal ehwal ajaran agama Islam khasnya. Adalah diharapkan bahawa dialog yang bermakna dan berkesan dapat diteruskan demi persefahaman antara penganut-penganut agama dalam Negara kita.